



## PERTABALAN

DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
DAN JAJAHAN TAKLUKNYA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ اللَّهُمَّ مَا لِكَ الْمُلْكُ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ شَاءَ وَتَنْزَعُ الْمُلْكُ مِمْنَ شَاءَ  
وَتُعِزُّ مَنْ شَاءَ وَتُذَلِّ مَنْ شَاءَ بِيَدِكَ الْخَيْرُ  
إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٢٦)

Katakanlah:

"Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan,  
Engkau berikan kerajaan kepada orang yang  
Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang  
Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau  
kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki.  
Di tangan Engkaulah segala kebijakan.  
Sesungguhnya, Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu."

Surah Ali 'Imran : Ayat 26



*Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.*



PERTABALAN

---

## PENAUNG

**Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak**

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

**Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad**

Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## PENASIHAT BERSAMA

**Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman**

Ketua Pengarah Penerangan Malaysia

**Datuk Seri Panglima Mohd. Annuar bin Zaini**

Ahli Dewan Negara Perak

## SIDANG REDAKSI

### KETUA EDITOR

Masnoor Ashaari

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Ariah Judah

Ku Azian Ku Azizan

### EDITOR

Hasnida Samsudin

### PENYELIDIK

Wan Mastura Wan Mahmood

Helmy Hisham Hamat Basir

Mariam Jeri

### FOTO

Unit Foto, Cawangan Pusat Sumber dan Fotografi

Jabatan Penerangan Malaysia

### PEREKA GRAFIK

Khairudin Mohamed

Jaffri Amin Advertising Sdn. Bhd.

### PERTABALAN

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV**

**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH**

**NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN DAN JAJAHAN TAKLUKNYA**

Cetakan Pertama Oktober, 2017

@Jabatan Penerangan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar-ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



Diterbitkan di Malaysia oleh:

### Ketua Pengarah

Jabatan Penerangan Malaysia

Aras 5, 9-16 dan 18

Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

No. 4G9, Persiaran Perdana

Presint 4

Pos Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya.

Tel: 03-89113441 / Faks: 03-89114957

Laman sesawang: [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PERTABALAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH : SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN DAN JAJAHAN TAKLUKNYA / KETUA EDITOR: Masnoor Ashaari ; TIMBALAN KETUA EDITOR: Ariah Judah, Ku Azian Ku Azizan ; EDITOR: Hasnida Samsudin ; PENYELIDIK: Wan Mastura Wan Mahmood, Helmy Hisham Hamat Basir, Mariam Jeri.

ISBN 978-983-54-0588-4

1. Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbudin Shah, Sultan Perak. 1956-. 2. Sultans--Perak--History. 3. Monarchy--Perak--History. I. Masnoor Ashaari. II. Ariah Judah. III. Ku Azian Ku Azizan. IV. Hasnida Samsudin. V. Wan Mastura Wan Mahmood. VI. Helmy Hisham Hamat Basir. VII. Mariam Jeri. 923.1595114

### Pencetak:

Jaffri Amin Advertising Sdn. Bhd.

### SETULUS PENGHARGAAN KEPADA:

Toh Amar Seri Diraja Dato' Ayop bin Hashim

Setiausaha Dewan Negara Perak.

Profesor Dr. Jelani Harun

Pos Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

Deeya Menon

Research Associate



## PERTABALAN

---

DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUhibBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
DAN JAJAHAN TAKLUKNYA

---



2017



Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Sultan Perak XXXV

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN  
RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
DAN JAJAHAN TAKLUKNYA





Duli Yang Maha Mulia  
Raja Permaisuri Perak

TUANKU ZARA SALIM



---

**KANDUNGAN**

---

**MUKA SURAT**

---

**BAB 1****SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH****1****BAB 2****MEWARISI TAKHTA KERAJAAN****15****BAB 3****PEMASYHURAN PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV****21****BAB 4****ACARA PERTABALAN****31****BAB 5****TABAL PUSAKA****65**

---

**KANDUNGAN**

---

**MUKA SURAT**

---

**BAB 6****MENZIARAHİ MAKAM-MAKAM DIRAJA****79**

---

**BAB 7****ACARA SAMBUTAN SEMPENA PERTABALAN****89**

---

**BAB 8****ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA****105**

---

**BAB 9****SULTAN-SULTAN PERAK****131**

---

**SISIPAN****TITAH DAN TEKS UCAPAN****141**

## BAB 1

# SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

Pada saat dan ketika dikurniakan oleh Ilahi dengan kemuliaan dan kejayaan, Paduka Adinda tidak dapat melupakan peranan dan jasa mereka yang telah membimbing Paduka Adinda hingga mencapai kejayaan ini; para guru di sekolah dan para mahaguru di universiti, para ulama dan orang-orang tua, rakan-rakan sekolah, rakan-rakan di tempat bekerja, para orang besar dan pegawai negeri, dan paling utama keluarga Paduka Adinda Raja Permaisuri, Paduka Bonda dan Almarhum Paduka Ayahanda.

Titah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan Majlis Pelancaran Buku:

**“His Royal Highness Sultan Nazrin Shah Reflections and Recollections”**

di Hotel Concorde, Kuala Lumpur

2 Mei 2015.



19 April 2011: Raja Nazrin Shah (ketika itu bergelar Raja Muda Perak) bersama-sama keluarga bersempena dengan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ke-83.



Dari kiri ke kanan:  
Raja Nazrin Shah, Tuanku Bainun  
dan Tuanku Zara Salim.


## KEPUTERAAN

Raja Nazrin Shah telah diputerakan pada 27 November 1956. Semasa baginda diputerakan, ayahanda baginda, Raja Azlan Shah, ketika itu bertugas sebagai majistret, sementara bonda baginda, Tuanku Bainun bertugas sebagai guru di Pulau Pinang.

Baginda ialah putera sulung daripada lima adik-beradik, Raja Azureen, Raja Ashman Shah (almarhum), Raja Eleena dan Raja Yong Sofia.



Raja Nazrin Shah (kanan) bersama-sama ayahanda Raja Azlan Shah (tengah) dan adinda Raja Ashman Shah (kiri).



Raja Nazrin Shah (barisan depan nombor dua dari kiri) semasa menuntut di St. John's Institution, Kuala Lumpur, pada tahun 1969.

## PENDIDIKAN

**B**aginda memulakan alam persekolahan di Sekolah Rendah Jalan Kuantan, diikuti dengan St. John's Institution Kuala Lumpur.

Baginda kemudiannya mengikuti pengajian di The Leys School, Cambridge, antara sekolah persendirian terkemuka yang mempersiapkan anak-anak muda untuk menghadapi cabaran di universiti dan selepasnya.

Baginda melanjutkan pengajian di Oxford University, sebuah universiti terunggul di dunia dan memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Falsafah, Politik dan Ekonomi.


Baginda memperoleh ijazah Sarjana Pentadbiran Awam daripada Kennedy School of Government, Harvard University, dan ijazah Doktor Falsafah Ekonomi, Politik dan Kerajaan daripada universiti yang sama.



Raja Nazrin Shah (barisan belakang nombor empat dari kanan) di perkarangan The Leys School, Cambridge (UK), pada tahun 1971.

Raja Nazrin Shah (barisan belakang nombor dua dari kanan) dengan pasukan hoki The Leys School, Cambridge (UK), pada tahun 1974.





Raja Nazrin Shah (barisan keempat nombor empat dari kanan) sewaktu menuntut di Worcester College, University of Oxford (UK), pada tahun 1976.



Raja Nazrin Shah sewaktu menerima ijazah Sarjana Kehormat Pentadbiran Perniagaan daripada Cranfield Institute of Technology, Bedford (UK), pada tahun 1993.



Raja Nazrin Shah sewaktu menerima peranan dalam Chancellor's Court of Benefactors, University of Oxford, pada tahun 2013.



Raja Nazrin Shah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaya keempat pada 16 Julai 2014.

Setelah memperoleh ijazah pertama daripada University of Oxford, baginda berkhidmat sebagai Eksekutif Pentadbiran di PETRONAS (1979-1983). Baginda kemudian melanjutkan pengajian di Harvard University hingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Baginda ialah Felo Kehormat Worcester College, University of Oxford, dan juga Magdalene College dan St. Edmund's College, University of Cambridge; Ahli Pemegang Amanah Pusat Pengajian Islam Universiti Oxford, Felo Diraja Institusi Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS); Felo Diraja Institut Kajian Strategi dan Hubungan Antarabangsa Malaysia (Institute of Strategic and International Studies-ISIS Malaysia); Felo Diraja Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM); Penaung Diraja kepada Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia.

Baginda diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilantik sebagai Canselor Universiti Malaya keempat berkuat kuasa pada 16 Julai 2014.

Pada 14 Ogos 2014, baginda telah berkenan untuk berperanan sebagai Kolonel Yang Dipertua Rejimen Jurutera Diraja Tentera Darat dan Kolonel Yang Dipertua Kor Kesihatan Diraja Angkatan Tentera Malaysia.



17 Mei 2007: Raja Nazrin Shah semasa istiadat akad nikah dengan disaksikan oleh ayahanda Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan bonda Tuanku Bainun.



17 Mei 2007: Raja Nazrin Shah menyerungkan cincin perkahwinan ke jari Tuanku Zara Salim di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.


## PERKAHWINAN

Baginda telah diijabkabulkan dengan Tuanku Zara Salim pada 17 Mei 2007 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.

Tuanku Zara Salim telah diputerakan pada 22 Mac 1973 di Ipoh, Perak.

Tuanku Zara Salim ialah anak bongsu daripada empat adik-beradik kepada Dato' Salim Davidson dan Datin Sharifah Azaliah Tan Sri Syed Omar Shahabudin.

29 Jun 2008: Raja Nazrin Shah bersama-sama ayahanda Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan anakanda Raja Azlan Muzaffar Shah.



## TUANKU ZARA SALIM

**B**aginda memulakan persekolahan rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Convent, Ipoh. Semasa di bangku sekolah, baginda sangat aktif dalam pelbagai aktiviti sukan serta dipilih mewakili negeri Perak dalam sukan renang.

Baginda meneruskan persekolahan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Ipoh, seterusnya mengikuti pengajian peringkat A-Level di Prime College, Kuala Lumpur. Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di University of Nottingham, United Kingdom dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) Kejuruteraan Kimia.

Sekembalinya dari United Kingdom pada tahun 1995, baginda bertugas di PETRONAS, syarikat petroleum negara, selama enam tahun sebelum memegang jawatan di Formis Malaysia Berhad, sebuah syarikat teknologi maklumat.



Tuanku Zara Salim sewaktu menerima Anugerah Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Convent, Ipoh, Perak.



Tuanku Zara Salim.



2 Jun 2015: Tuanku Zara Salim bertitah pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen UPSI ke-17 di Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim, Perak.

Pada tahun 2005, baginda menjawat jawatan Pengarah Urusan di Fortwave Consulting Sdn. Bhd., sebuah syarikat perunding hidrokarbon.

Pada 18 Mei 2007, baginda dimasyurkan dengan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak dan pada 20 Jun 2014 dimasyurkan sebagai Raja Permaisuri Perak.

Baginda telah dimasyurkan sebagai Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 1 Januari 2012.

Pasangan Diraja ini telah dikurniakan dengan dua orang cahaya mata, iaitu Raja Azlan Muzzaffar Shah yang diputerakan pada 14 Mac 2008, dan Raja Nazira Safya yang diputerakan pada 2 Ogos 2011.



Tuanku Zara Salim ketika berusia tiga tahun, pada tahun 1977.



Anakanda Raja Nazira Safya, 2015.



Raja Nazrin Shah dan Tuanku Zara Salim bersama-sama anakanda Raja Azlan Muzaffar Shah, pada tahun 2011.



Raja Nazrin Shah bersama-sama anakanda Raja Nazira Safya (kiri) dan Raja Azlan Muzaffar Shah (kanan), pada tahun 2014.

## BAB 2

# MEWARISI TAKHTA KERAJAAN

Sistem kepimpinan beraja adalah antara sistem kepimpinan yang tertua di dunia. Sistem kesultanan juga adalah sebahagian daripada budaya berkerajaan dan bernegara dalam sejarah kepimpinan Islam. Di negara ini, sistem kepimpinan beraja tetap berwajah baharu. Sesungguhnya, Institusi Raja adalah sebahagian bangsa Melayu dan warga Malaysia... Sistem kepimpinan beraja adalah antara sistem kepimpinan yang tertua di dunia. Sistem kesultanan juga adalah sebahagian daripada budaya berkerajaan dan bernegara dalam sejarah kepimpinan Islam. Di negara ini, sistem kepimpinan beraja tetap berwajah baharu. Sesungguhnya, Institusi Raja adalah sebahagian bangsa Melayu dan warga Malaysia.

Titah Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah

bersemepena dengan Konvensyen Mahasiswa Anak Perak  
di Dewan Bankuasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,

18 Januari 2004.

# SALASILAH KESULTANAN PERAK DARUL RIDZUAN.

PAREMESWARA (Sultan Melaka yang perlama)

1400-1414

\*MEGAT ISKANDAR SHAH

1414-1423

SULTAN MUHAMMAD SHAH

1423-1444

SRI PARAMESWARA DEWA SHAH  
1444-1446

1. PADUKA SERI SULTAN MUDZAFFAR SHAH I (Marhum Tanah Abang)  
1528-1549

+ TUN TERANG (Anak Tun Ali)

2. PADUKA SERI SULTAN MANSUR SHAH I (Marhum Kota Lama Kanan)  
1549-1577

PADUKA SERI SULTAN MANSUR SHAH (Sultan Aceh)

3. PADUKA SERI SULTAN AHMAD TAJUDDIN SHAH (Marhum Muda)  
1577-1584

4. PADUKA SERI SULTAN TAJUL ARIFFIN (Marhum Mangkat di Tebing)  
1584-1594

RAJA INU (Gelarannya: Raja Kechil Lasa)

5. PADUKA SERI SULTAN ALAUDDIN SHAH (Marhum Mangkat di Darat)  
1594-1603

7. PADUKA SERI SULTAN MANSUR SHAH II (Marhum Mangkat di Aceh)  
1619-1627

12. PADUKA SERI SULTAN ALAUDIN MUGHAYAT (RIYAT) SHAH (Marhum Sulong)  
1720-1728

11. PADUKA SERI SULTAN MAHMUD ISKANDAR SHAH (Marhum Besar Aulia Allah)  
1653-1720

RAJA PUTEH

13. PADUKA SERI SULTAN MUDZAFFAR SHAH III (Marhum Haji Allah)  
1728-1752

15. PADUKA SERI SULTAN ISKANDAR DZULKARNAIN (Marhum Kaharullah)  
1752-1765

16. PADUKA SERI SULTAN MAHMUD SHAH (Marhum Muda)  
1765-1773

PADUKA SERI SULTAN ABDUL MALIK MANSUR SHAH (Marhum Jamalullah)  
1806-1825

20. PADUKA SERI SULTAN ABDULLAH MU'AZZAM SHAH (Marhum Khalilullah)  
1825-1830

RAJA AHMAD  
(Gelarannya: Raja Kechil Tengah)

23. PADUKA SERI SULTAN JA'AFAR MUAZZAM SHAH (Marhum Waliullah)  
1857-1865

26. PADUKA SERI SULTAN ABDULLAH MUHAMMAD SHAH II (Marhum Habibullah)  
1874-1877

RAJA MUDA MUSA (Mangkat pada Tahun 1906)

31. PADUKA SERI SULTAN ABDUL AZIZ ALMUSTASIM BILLAH SHAH (Marhum Ni'matullah)  
1938-1948

RAJA MUSA (Raja Muda Mangkat pada Tahun 1983)



#### Nota:

X = Berkahwin

\* R.O. Winstedt dalam bukunya yang bertajuk *A History of Malaya*, ms 272 mengatakan bahawa Parameswara telah menukar nama kepada Megat Iskandar Shah

\*\* Pemangku Raja dari tahun 1877 hingga tahun 1886


Sumber : Buku Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, 1985



Raja Nazrin Shah dimasyhurkan sebagai Raja Kecil Besar pada 16 Februari 1984. Baginda telah menyempurnakan istiadat menjunjung duli pada 30 Ogos 1986. Mengikut hierarki sistem pergiliran Kesultanan Perak, Raja Kecil Besar berada di tempat ketiga selepas Raja Muda dan Raja Di-Hilir untuk dipertimbangkan mewarisi takhta Kesultanan Perak.

Dengan penentuan ILAHI, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Ahmad Saifuddin ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah mangkat pada 12 April 1987. Atas faktor kesihatan, Duli Yang Amat Mulia Raja Di-Hilir Perak, Raja Ahmad Hisham bin Raja Abdul Malik yang berusia 80 tahun ketika itu, telah buat ketiga kalinya tidak dapat dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Raja Muda Perak, (kali pertama berikutan kemangkatan Raja Muda Musa pada 12 Mei 1983, dan kali kedua berikutan kemangkatan Sultan Idris Al-Mutawakil Alallah Shah pada 31 Januari 1984). Raja Nazrin Shah telah dimasyhurkan sebagai Raja Muda Perak berkuat kuasa 15 April 1987 dan Baginda telah menyempurnakan istiadat menjunjung duli sebagai Raja Muda pada 13 Jun 1987.

Mengambil maklum bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibbuddin Shah akan memenuhi peranan sebagai Yang Dipertuan Agong ke IX, daripada 26 April 1989 hingga 25 April 1994, Dewan Negara Perak yang bersidang kali ke 121, pada 18 April 1989, telah mencapai persetujuan agar Duli Yang Teramat Mulia Raja Nazrin Shah dimasyhurkan sebagai Pemangku Raja Perak bagi tempoh masa tersebut. Baginda kembali berperanan sebagai Raja Muda Perak, apabila Sultan Azlan Muhibbuddin Shah tamat tempoh bersemayam sebagai Yang Dipertuan Agong. Namun demikian daripada masa ke masa, Baginda berperanan sebagai Pemangku Raja Perak apabila Sultan Azlan Muhibbuddin Shah berada di luar negara atau dalam kegerringan.



30 Ogos 1986: Raja Nazrin Shah dalam Istiadat Menjunjung Duli sebagai Raja Kecil Besar Perak.



13 Jun 1987: Raja Nazrin Shah menerima watikah perlantikan sebagai Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dalam Istiadat Menjunjung Duli.

## BAB 3

# PEMASYHURAN PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV

Era kegemilangan sesuatu pemerintahan tercipta apabila pemimpin menghormati ulama dan ilmuwan yang berani menyuarakan yang hak dan teguh imannya, kukuh prinsipnya, bersifat amanah, jujur dan ikhlas; pada setiap masa mendaulatkan undang-undang dan sama sekali tidak akan bersekutu melakukan perkara mungkar.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah t. Lalu Raja mendapat bersemepena dengan Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak,

6 Mei 2015.

**B**erikutan kemangkatan Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada tengah hari 28 Mei 2014, pengumuman rasmi telah dibuat oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir. Ketibaan jenazah Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dari Institut Jantung Negara pada jam 9.30 malam pada hari yang sama disambut oleh ahli-ahli Dewan Negara Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak,

Bedilan meriam 21 das dilepaskan selepas jam 10 malam bagi menandakan kemangkatan Raja Pemerintah Negeri.

Menurut Perkara VI, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Bahagian kedua yang membawa maksud:

(1) "Manakala mangkat kita dan mangkat seseorang daripada ganti-ganti kita yang gemilang, maka jenazah kita dan jenazah-jenazah ganti-ganti kita yang gemilang hendaklah disimpan dengan tiada dimakamkan mengikut sebagaimana adat Melayu sehingga seorang ganti telah dipilih dan dilantik, dan inilah kita mengikrar dan memerintahkan bahawa hendaklah Raja Bendahara atau Orang Kaya Bendahara apabila gelaran Raja Bendahara itu dimansohkan menjalankan kuasa-kuasa dan menyempurnakan tanggungan-tanggungan Raja Pemerintah itu dalam tempoh di antara kemangkatan seorang Raja Pemerintah dengan lantikan seorang Raja Pemerintah baru".

Berdasarkan perkara tersebut, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja mempengerusikan Mesyuarat Khas Dewan Negara untuk melantik Raja Pemerintah mengikut kehendak Fasal 58 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dalam tempoh 24 jam selepas kemangkatan Raja Pemerintah khusus untuk membincangkan perkara-perkara yang berikut:

- Pertama, pemakaman Raja Pemerintah yang mangkat dan pelantikan Raja Pemerintah baru.
- Kedua, menetapkan tarikh dan masa Istiadat Pemakaman Diraja.
- Ketiga, memberi gelaran doa kepada Raja Pemerintah yang telah mangkat.
- Keempat, memilih Raja Pemerintah baru (disembah maklumkan Raja yang dipilih tetapi tidak diumumkan kepada awam).
- Kelima, memberi gelaran doa kepada Raja Pemerintah baru dipilih.

Pada jam 6.00 petang 28 Mei 2014, Dewan Negara Perak telah mencapai kata sepakat menamakan Raja Nazrin Shah sebagai Sultan Perak XXXV dengan gelaran Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Muizzuddin bermaksud ‘pemerkasa agama’, membuktikan agama Islam ialah identiti yang tidak dapat dipisahkan dengan Raja Melayu, dan Raja Melayu menjunjung satu tanggungjawab besar sebagai penjaga agama Islam.



Antara ahli Dewan Negara Perak yang menghadiri Mesyuarat Khas Dewan Negara Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar pada 28 Mei 2014.

Dari kiri ke kanan:

Orang Kaya Temenggung Paduka Raja, Dato' Seri Wan Mohd. Fathir@Wan Fadzir bin Wan Hussain

Orang Kaya Besar Maharaja Diraja, Dato' Seri Abd. Rahman bin Haji Zainuddin

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Diraja Dr. Zambyr bin Abd. Kadir

Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen. (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin (Pengerusi Mesyuarat)

YABhg. Sahibus Samahah Mutti Kerajaan Negeri Perak, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria

YM Raja Tan Sri Dato' Seri Aznam bin Raja Haji Ahmad, Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan (Bukan Rasmi).

## **PEMASYHURAN PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV**

Istiadat pemasyhuran dimulakan dengan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja berjalan masuk ke Balairung Seri diiringi pembawa surat pengisytiharan pelantikan dan dua orang bentara. Apabila semuanya mustaid, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja mengangkat sembah mohon izin perkenan untuk membaca watikah pengisytiharan pemilihan dan pelantikan Paduka Seri Sultan Perak baharu. Selesai membaca watikah pemasyhuran, beliau mengangkat sembah dan berseru tiga kali "DAULAT TUANKU" berturut-turut diikuti oleh sekalian yang hadir.

Istiadat diteruskan dengan Toh Amar Seri Diraja menyembah silakan Raja Nazrin Shah berangkat naik ke singgahsana bagi istiadat mengangkat dan menandatangani sumpah pelantikan sebagai Sultan.



Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen. (B) Dato' Sri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin.




DAULAT TUANKU DAULAT TUANKU DAULAT TUANKU




Toh Amar Seri Diraja, Dato' Ayop bin Hashim menyembah silakan Raja Nazrin Shah bagi menyempurnakan istiadat mengangkat sumpah dan menandatangani watikah pelantikan.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengangkat sumpah lantikan Paduka Seri Sultan Perak XXXV.



Adalah kita Raja Nazrin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Shah bersumpah dengan Wallahi – Wabillahi – Wataullahi bahawa kita mengaku memerintah Negeri Perak Darul Ridzuan dan sekalian taklok Jajahannya menurut Perlembagaan Negeri Perak dengan adil mengikut Hukum Allah.

Di hadapan saya : 

YAB. Dato' Seri DiRaja Dr. Zambray bin Abd. Kadir  
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Pada 29hb. REJAB 1435H  
Bersamaan dengan 29hb. MEI 2014



Sultan Nazrin Shah menandatangani watikah pelantikan di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.



Selesai sahaja bacaan doa, Sultan Nazrin Shah mengucup keranda almarhum Sultan Azlan Shah sebagai syarat keranda diperkenankan diangkat untuk istiadat pemakaman.

Bedilan meriam sebanyak 86 das menandakan usia Sultan Azlan Shah ketika mangkat, dilepaskan dan bedilan terakhir menandakan jenazah telah selamat sampai ke tempat pemakaman.



Jenazah Almarhum Sultan Azlan Shah dibawa menaiki peterana "Seraja Diraja" selepas istiadat penghormatan terakhir di Balairung Seri, Istana Iskandariah.

Seraja Diraja diusung oleh 40 anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia secara bergilir-gilir sejauh dua kilometer dari Istana Iskandariah menuju ke tempat pemakaman.

## **BAB 4**

# **ACARA PERTABALAN**

Istiadat pagi ini melambangkan citra untuk terus mendaulatkan institusi Raja, satu pelanjutan adat – satu kesinambungan budaya, berlangsung dalam era modernisasi; betapa keindahan adat – betapa kekayaan budaya, kukuh teranyam dalam tradisi negara bangsa; sekali gus mengekalkan identiti satu tamadun pemerintahan, negeri beraja – rakyat bersultan, yang telah sekian lama berakar dalam sistem berkerajaan dan bernegara di bumi ini.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan

Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV


di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak,

6 Mei 2015.

## MELETAK KERJA PERTABALAN

Pada 3 Mei 2015, di tapak Panca Persada, perkarangan Istana Iskandariah, berlangsung Istiadat Meletak Kerja Pertabalan.

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah diiringi Raja Permaisuri, Tuanku Zara Salim, berangkat untuk menyempurnakan istiadat meletak kerja dengan disaksikan oleh Raja Muda Perak, Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa, Raja Puan Besar Perak, Raja Nor Mahani binti Raja Shahar Shah, Raja Di-Hilir Perak, Raja Dzulkarnain ibni Almarhum Sultan Idris Shah, Raja Puan Muda Perak, Tunku Suraya binti Sultan Abdul Halim, kerabat Diraja Perak, Orang Besar Negeri serta pemimpin dan pegawai kerajaan.



Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda, Dato' Seri Ir. Mohamad Othman bin Zainal Azim memohon perkenan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah untuk memulakan Istiadat Meletak Kerja Pertabalan.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah melafazkan titah pengisytiharan Meletak Kerja Pertabalan.



Sejurus selepas titah pengisytiharan Meletak Kerja Pertabalan dizahirkan, Mufti Kerajaan Negeri Perak memimpin bacaan doa.

Sebaik selesai bacaan doa, paluan nobat dimainkan serentak dengan tembakan meriam 17 das oleh pasukan Rejimen Askar Jurutera Diraja Markas Dua Divisyen.

Bacaan doa oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perak, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim mengaminkan doa semasa Istiadat Meletak Kerja Pertabalan.



Pasukan Rejimen Askar Jurutera Diraja Markas Dua Divisyen, melepaskan tembakan meriam 17 das.



Kumpulan Nobat Istana Iskandariah,  
Kuala Kangsar.





Pada 6 Mei 2015, berlangsung Istiadat Tabal Adat yang diwarisi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka sekali gus meneruskan legasi Kesultanan Melayu Perak yang terbina sejak tahun 1528.

Istiadat pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim berlangsung di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.

*Balairung Seri, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.*





Bermula pada jam 9 pagi, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menerima Hormat Diraja yang diiringi lagu kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan oleh pasukan pancaragam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Dataran Istana. Baginda kemudian berkenan memeriksa kawalan kehormat pasukan Rejimen Askar Jurutera Diraja Markas Dua Divisyen.

## **KEBERANGKATAN MASUK KE BALAIRUNG SERI**

stiadat Tabal Adat yang menandakan kesinambungan teraju pemerintahan Perak bermula dengan para jejawat membawa masuk 16 lembing dan payung kerajaan mengambil tempat di kiri dan kanan Balairung Seri.

Paluan Nobat yang berirama “Raja Berangkat” dimainkan serentak mengiringi keberangkatan masuk ke Balairung Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Tuanku Zara Salim yang lengkap berpakaian songket kuning diraja.

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah segak dengan persalinan yang dilengkapi antaranya termasuklah tanjak, Pontoh Bernaga, iaitu sepasang gelang yang disarung di lengan kanan dan kiri baginda.

Raja Permaisuri Tuanku Zara pula anggun dengan persalinan antaranya termasuklah Tiara, Agok (kalung emas), Dokoh (perhiasan emas berpermata) dan Pontoh Ular Lidi.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Tuanku Zara Salim berangkat menuju ke singgahsana.



Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda, Dato' Seri Ir. Mohamad Othman bin Zainal Azim menghadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bagi memohon perkenan untuk memulakan Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV.



## **MEMPERSEMBAHKAN KITAB SUCI AL-QURAN**

**S**etelah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan untuk acara dimulakan, ayat suci al-Quran telah diperdengarkan oleh Tuan Haji Radzi bin Kamarul Hailan.

Seterusnya Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan, Dato' Dr. Afifi Al-Akiti yang menatang Al-Quran diiringi seorang Panglima dan dua Bentara masuk ke Balairung Seri bagi mempersembahkan kitab suci kepada Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Baginda menerima dan mengucup Al-Quran yang kemudiannya diletakkan di tempat khas.



Tuan Haji Radzi bin Kamarul Hailan mengalunkan surah Ali 'Imran ayat 26.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengucup Al-Quran yang kemudiannya meletakkan di tempat khas.  
Al-Quran dipersembahkan oleh Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi Al-Akiti.

## **WATIKAH PEMASYHURAN DAN PEDANG CURA SI MANJA KINI**

Toh Amar Seri Diraja membawa Watikah Pemasyhuran Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, sementara Raja Chik Muda membawa Pedang Cura Si Manja Kini berdatang sembah menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.

Toh Amar Seri Diraja seterusnya menyerahkan Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak kepada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja.



Toh Amar Seri Diraja, Dato' Ayop bin Hashim (kanan) dan Raja Chik Muda Raja Rosli bin Raja Mohamad (tengah).



Toh Amar Seri Diraja, Dato' Ayop bin Hashim menyerahkan Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak kepada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin.



Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin membaca Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.

Selesai bacaan watikah pemasyhuran, Toh Amar Seri DiRaja berjalan ke hadapan dan mengambil semula Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak daripada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja.

Raja Chik Muda memberi hormat berjalan ke hadapan dan menyerahkan Pedang Cura Si Manja Kini kepada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja untuk dipersembahkan kepada Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menerima Pedang Cura Si Manja Kini yang dipersembahkan oleh Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memegang untuk menghunus Pedang Cura Si Manja Kini.





Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menghunus dan mengucup Pedang Cura Si Manja Kini. Selesai sahaja baginda mengucup Pedang Cura Si Manja Kini, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja melaungkan tiga kali "Daulat" diikuti sekalian hadirin.

Pada laungan ketiga "Daulat", Nobat Tabal dimainkan dan 21 das tembakan meriam dilepaskan bagi menandakan pemasyhuran Paduka Seri Sultan Perak XXXV.

*Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengucup tiga kali Pedang Cura Si Manja Kini.*

## **PERSEMBAHAN MESTIKA EMBUN DAN CAP HALILINTAR**

Toh Seri Nara Diraja menaiki singgahsana untuk mempersembah Mestika Embun dan menyunting Cap Halilintar ke telinga kanan baginda sambil membisikkan ‘Rahsia Nisab Sultani’.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menerima selitan Mestika Embun daripada Toh Seri Nara Diraja, Mohamed Sah bin Nong Chik.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menerima Cap Halilintar dan bisikan "Rahsia Nisab Sultani" daripada Toh Seri Nara Diraja Mohamed Sah bin Nong Chik.



## PEMASYHURAN RAJA PERMAISURI PERAK

Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak dibawa masuk oleh Toh Amar Seri DiRaja dengan diapit oleh dua bentara. Watikah tersebut diserahkan kepada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja untuk Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak.



Toh Amar Seri Diraja, Dato' Ayop bin Hashim menyerahkan Watikah Pemasyhuran kepada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jen (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd. Zahidi bin Haji Zainuddin untuk pembacaan Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menyematkan "Bunga Pencawa Pencara" ke jemala Tuanku Zara Salim.

Setelah selesai pembacaan Watikah Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak, Toh Amar Seri Diraja berjalan ke hadapan dan mengambil semula watikah tersebut daripada Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja.

Seterusnya, Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja berdatang sembah mempersilakan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak untuk disematkan "Bunga Pencawa Pencara" ke jemala Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak.

Istiadat pemasyhuran Tuanku Zara Salim sebagai Raja Permaisuri Perak berakhir dengan laungan tiga kali "Daulat" oleh Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja diikuti sekalian yang hadir.

## **PERSEMBAHAN UCAP TAHNIAH**

stiadat pemasyhuran ini dilengkapkan dengan sembah ucap tahniah dan taat setia daripada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak bagi pihak Raja-Raja dan Orang Besar Perak Darul Ridzuan. Sementara itu, bagi pihak kerajaan dan rakyat, ucap tahniah dan taat setia disembahkan oleh Menteri Besar Perak Darul Ridzuan.



Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa.



Menteri Besar Perak Darul Ridzuan Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir.

## MENZAHIRKAN TITAH PERTABALAN



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dipersembahkan titah pertabalan.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menzahirkan titah.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim mengaminkan bacaan doa yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan Negeri Perak, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria.

## PENUTUPAN ISTIADAT PERTABALAN

Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda dititah semula menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak bagi memohon perkenan baginda untuk menutup Istiadat Pertabalan.



Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda, Dato' Seri Ir. Mohamad Othman bin Zainal Azim mohon perkenan untuk mengakhiri istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV.



Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan, Dato' Dr. Afifi Al-Akiti berdatang sembah mengambil Al-Quran setelah berakhirnya Istiadat Tabal Adat.

Istiadat pertabalan yang penuh bersejarah berakhir pada jam 12.30 tengah hari dengan keberangkatan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim meninggalkan Balairung Seri untuk ke Majlis Santapan di Dewan Santapan, Istana Iskandariah.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim diiringi oleh Raja Muda Perak dan Raja Puan Besar Perak serta Raja Di-Hilir Perak dan Raja Puan Muda Perak, didahului Timbalan Mufti yang membawa Al-Quran berangkat meninggalkan Balairung Seri, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.

**BAB 5**

## **TABAL PUSAKA**

Bersyukurlah atas nikmat kurniaan llahi kepada bumi dan negara kita selama ini, semoga ia berkekalan dengan setiap kita berusaha untuk tidak melakukan perbuatan yang menunjukkan penderhakaan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, dengan setiap kita berusaha untuk tidak mengingkari Sunah Rasul. Dalam keadaan ummah bagaikan menghadapi kegelapan, suluhlah mata hati dengan sinaran cahaya daripada kalam-kalam Allah yang terhimpun dalam Al-Quran, dalam suasana ummah kelihatan semakin tersasar arah, kembalilah merujuk kepada kompas haluan yang tersusun dalam Sunah Rasul.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1436H, peringkat negeri Perak Darul Ridzuan

di Aman Jaya Convention Centre Casuarina@Meru,

bandar Meru Raya, Ipoh,

3 Januari 2015.

## TABAL PUSAKA

Tabal Pusaka terdiri daripada majlis doa selamat dan istiadat Mendirikan Panca Persada di perkarangan Istana Iskandariah. Istiadat ini dilakukan beberapa minggu sebelum bermulanya Tabal Pusaka.

Sehari selepas sempurnanya Istiadat Tabal Adat, berlangsung istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal di Tujuh Kuala Sungai Perak dilakukan pada waktu pagi. Pada sebelah malam pula, berlangsung istiadat Pemulihan Perkakas-perkakas Kerajaan, Istiadat Bersiram Tabal dan Istiadat Santapan Nasi Berastakona.

*Panca Persada di perkarangan  
Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.*





## **MENGAMBIL AIR BERSIRAM TABAL DI TUJUH KUALA SUNGAI PERAK**

**P**ada 7 Mei 2015, berlangsung pada sebelah pagi Istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal daripada Tujuh Kuala Sungai. Istiadat ini dimulakan dengan perarakan berkereta dari Pintu Besar Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar bergerak menuju ke Taman Kanak-Kanak, Kuala Kangsar, Perak.

Perarakan ini diiringi paluan nobat sehingga sampai ke tebing Sungai Perak. Perkakas-perkakas istiadat antaranya termasuklah 16 Geluk berwarna emas dan perak turut dibawa bersama oleh ahli rombongan.

Istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal dimulakan di Kuala Sungai Kangsar, Kuala Sungai Chepias, Kuala Sungai Sayong, Kuala Sungai Hitam, Kuala Sungai Chermin, Kuala Sungai Buaya dan Kuala Sungai Menora.

Air daripada tujuh kuala ini diisi di dalam 16 Geluk berwarna emas dan perak dan dibawa semula ke pengkalan di Taman Kanak-Kanak serta disambut dengan penuh istiadat. Kesemua 16 Geluk berwarna emas dan perak ini dibawa ke Balai Panca Persada bagi kegunaan Istiadat Bersiram Tabal.





Toh Nara Seri Diraja, Mohamed Sah bin Nong Chik sedang mengambil air sungai bagi kegunaan Istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal daripada Tujuh Kuala Sungai Perak.



Kerabat Diraja Negeri Perak bersama Alat-alat Kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan di Istana Iskandariah Kuala Kangsar, Perak.

## ISTIADAT TABAL PUSAKA DI BALAIRUNG SERI

Istiadat ini bermula pada sebelah malam 7 Mei 2015, dihadiri kerabat Diraja Perak, Orang Besar Perak serta dif-dif jemputan bertempat di Balairung Seri, Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.

Upacara yang dijalankan penuh beradat ini menyaksikan jejawat-jejawat lelaki membawa Lembing dan Payung Kerajaan bersama-sama 16 jejawat perempuan yang membawa lilin masuk mengambil tempat di Balairung Seri.

Istiadat kemudiannya diteruskan dengan istiadat membawa masuk perkas kerajaan oleh jejawat-jejawat istana.

Apabila semuanya telah bersiap sedia, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berangkat masuk ke Balairung Seri diiringi paluan nobat.



1

Foto 1 & 2:  
Tuanku Bainun bersama kerabat Diraja Perak  
sewaktu menyaksikan Istiadat Bersiram Tabal di  
perkarangan Panca Persada, Istana Iskandariah,  
Kuala Kangsar.



2

Istiadat Tabal Pusaka dimulakan dengan bacaan doa dan apabila berakhir sahaja istiadat ini, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berangkat meninggalkan Balairung Seri.

Baginda berdua diiringi Raja Muda Perak Darul Riduan dan Raja Puan Besar Perak Darul Riduan serta Raja Di-Hilir Perak Darul Riduan dan Raja Puan Muda Perak Darul Riduan menuju ke Panca Persada yang terletak di perkarangan Istana Iskandariah.

Raja-Raja Bergelar dan Orang Besar Perak serta dif-dif jemputan turut sama meninggalkan Balairung Seri dan mengambil tempat di kawasan Panca Persada bagi meneruskan Istiadat Bersiram Tabal di Panca Persada.





### ISTIADAT BERSIRAM TABAL DI PANCA PERSADA

Istiadat ini dijalankan secara penuh beradat bagi mengekal dan menyanjung adat pusaka yang diwarisi sejak turun-temurun.

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berangkat ke kawasan Panca Persada dan seterusnya bersemayam di peterana yang dibina khas.


*Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim di perkarangan Panca Persada, Istana Iskandariah.*



Dalam Istiadat Bersiram Tabal, batil yang mengandungi air tujuh kuala sungai disiram ke atas kain empat penjuru yang dipegang oleh empat orang wanita.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berangkat ke Bilik Kesenangan, Istana Iskandariah selepas menyempurnakan Istiadat Bersiram Tabal.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim semasa  
Istiadat Bersiram Tabal di Panca Persada perkarangan Istana Iskandariah.

## SANTAPAN NASI BERASTAKONA

**S**antapan Nasi Berastakona diadakan di Balairung Seri Istana Iskandariah selepas Istiadat Bersiram Tabal. Nasi Berastakona ini dihidangkan hanya untuk santapan baginda berdua sebagai meraikan pertabalan baginda.

Menurut Toh Pekerma Wati Datin Seri Zabidahtul Radthuan binti Muhammad Piah, Nasi Berastakona membawa maksud peralatan bersegi lapan yang diperbuat daripada perak dan mempunyai ukiran bercorak bunga raya. Peralatan ini kemudiannya diletakkan di atas meja kayu bersegi lapan berhias ukiran.

Penyediaan Nasi Berastakona memerlukan ketelitian dan kepakaran. Pulut yang melambangkan rezeki daripada Allah Subhanahuwataala dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pulut kuning, pulut putih dan pulut hitam. Pulut tersebut perlu direndam semalam dan dimasak dengan sempurna agar menghasilkan kualiti masakan yang terbaik. Selain itu, lauk-pauk yang terdiri daripada rendang tok, rendang ayam dan udang juga perlu dimasak sempurna serta diletakkan di sekeliling pulut kuning.

Pulut kuning dimasukkan ke dalam bahagian dasar peralatan bersegi lapan sehingga padat. Seterusnya, pulut putih dilapiskan di atas pulut kuning, diikuti lapan kelompok pulut hitam yang berbentuk segi lapan diatur mengelilingi pangkal pokok bunga telur. Bunga telur turut dihiasi anting-anting berwarna keemasan membawa maksud kesuburan dan kehidupan yang harmoni.



## **BAB 6**

# **MENZIARAHİ MAKAM**

Setiap seorang Sultan terdahulu telah berjasa dan masing-masing mencipta sejarah pemerintahan. Oleh itu, Sultan yang terkemudian tidak wajar bersifat membesar diri, membela kangi mereka, tetapi wajib mengambil pengajaran daripada pengalaman Sultan terdahulu dengan contoh teladan mulia yang diperlihatkan oleh Rasulullah salallah-alaihi-wassalam...

Rasulullah salallah-alaihi-wassalam.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan Istiadat Menutup Kerja Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV

Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak,

17 Mei 2015.

## **MENZIARAHİ MAKAM**

**M**enziarahi makam merupakan sebahagian daripada acara pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan yang telah ditabah sebagai Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan.

Menziarahi makam-makam ini menjadi simbolik kepada penghormatan baginda berdua buat almarhum Sultan Perak terdahulu.

Makam-makam Sultan Perak keenam, ketujuh dan kesembilan terletak di Sumatera, sementara makam Sultan Perak ke-25 terletak di Skudai, Johor. Sultan Mansur Shah, Sultan Perak kedua dilaporkan hilang ketika menunaikan solat Jumaat di Masjid Kota Lama Kanan kerana itu tidak mempunyai makam, tetapi dengan titah Sultan Idris Murshidul Adzam Shah, batu peringatan telah diletakkan di dalam masjid tersebut.

Acara menziarahi makam bermula dengan Makam Tok Temong yang terletak di Kampung Temong pada pagi Jumaat, 8 Mei 2015 dan berakhir dengan Makam Marhum Durian Sebatang, Almarhum Sultan Abdullah Muhammad Shah 1, Sultan Perak ke-22 pada 13 Mei 2015.

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah menziarahi 44 makam kesemuanya merangkumi makam Sultan-sultan terdahulu, makam-makam Raja Muda, Raja Di-Hilir, Raja Bendahara, Raja Bergelar dan pembesar tertentu yang tercatat dalam sejarah mempunyai peranan penting dengan institusi Kesultanan Perak.



8 Mei 2015: Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berangkat untuk menziarahi Makam Tok Temong, Kuala Kangsar, Perak.



1

2

Foto 1 & 2:

10 Mei 2015: Makam Almarhum Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzafar Shah Sultan Perak ke-27 di Masjid Sayong Tengah, Kuala Kangsar, Perak.



3



4

Foto 3 & 4:

11 Mei 2015: Makam Almarhum Sultan Tajul Ariffin, Sultan Perak keempat di Pulau Semat, Manong Kuala Kangsar, Perak.



5



6

Foto 5 & 6:

11 Mei 2015: Makam Almarhum Sultan Mudzaffar Shah III, Sultan Perak ke-13 di Kampung Selat, Bota, Perak.



13 Mei 2015: Makam Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

## BALAI GAMBANG

Balai Gambang yang dinamakan Cempaka Sari merupakan kenderaan air diraja, dibina khas bagi kegunaan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim bersama rombongan melengkapinya perjalanan dari Pasir Salak ke Teluk Intan.

Balai Gambang menghilir di sepanjang Sungai Perak bermula dari jeti Pasir Salak untuk menziarahi Makam Sultan Mahmud Shah (Sultan Perak ke-16), Makam Sultan Abdul Malik Mansur Shah (Sultan Perak ke-19), Makam Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda (Sultan ke-17), Makam Sultan Shahabuddin Riayat Shah (Sultan Perak ke-21) dan Makam Sultan Iskandar Dzulkarnain (Sultan Perak ke-15).



## PEMBINAAN BALAI GAMBANG

Selaras mendapat perkenan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, kerja-kerja pembinaan Balai Gambang diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak di bawah seliaan Toh Paduka Setia Dato' Ir. Dr. Safry Kamal bin Haji Ahmad, Pengarah Jabatan Kerja Raya Perak (JKR).

Mengambil pendekatan mengoptimumkan kos tetapi memberi impak perbelanjaan berhemat, pembinaan Balai Gambang didirikan di sebelah litar Dato' Sagor, Kampung Gajah, Perak dengan menggunakan kepakaran kakitangan JKR yang terdiri daripada jurutera, arkitek, pereka dalam dan tukang kayu. Di samping itu, JKR turut berkolaborasi dengan Universiti Kuala Lumpur dan Maritim di Lumut, Perak bagi mendapatkan hasil yang terbaik.



13 Mei 2015: Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berangkat menaiki Balai Gambang menziarahi Makam Almarhum Sultan Iskandar Dzulkarnain Sultan Perak ke-15 di Pulau Indera Sakti, Pasir Panjang Ulu.



## SPESIFIKASI REKA BENTUK

- |                    |                            |
|--------------------|----------------------------|
| • Panjang          | - 60 ft (18.3 m)           |
| • Lebar            | - 20 ft (6.1 m)            |
| • Draf             | - 3 - 6 ft (0.9 m - 1.9 m) |
| • Berat            | - 10 Tan                   |
| • Kelajuan         | - 15 Knot (7.72 m/s)       |
| • "Cruising Speed" | - 9 Knot (4.6 m/s)         |

Struktur Balai Gambang mengikut konsep terdahulu tetapi diberi penambahbaikan yang lebih moden, mempunyai platform persegi (20x40 kaki) dan berat yang mencapai 10 tan serta berkelajuan 9 knot, menggunakan tiga enjin berkapasiti 1.5hp untuk menggerakkan Balai Gambang, manakala pembinaannya berkonsepkan "trimaran" bagi tujuan kestabilan Balai Gambang tersebut. Rekaan dalaman Balai Gambang berinspirasikan ukiran bunga kerawang yang melambangkan suasana istana.

Bagi merancang mudik memerlukan penelitian terhadap jangkamasa dan pasang surut air Sungai Perak. Oleh yang demikian, untuk memastikan kedalaman paras air, beberapa gelen air dari Empangan Temenggor dilepaskan ke Sungai Perak ketika Balai Gambang menghilir dari Pasir Salak ke Teluk Intan.



14 Mei 2015: Sultan Nazrin Muizzuddin Shah merendam kaki baginda di Beting Beras Basah diikuti bacaan doa.



"Setelah 30 tahun berlalu, Sungai Perak sekali lagi menjadi saksi kepada kenderaan air diraja yang menyusurinya, dikenali sebagai Balai Gambang, dinamakan Cempaka Sari. Kenderaan air tersebut telah Beta gunakan ketika memenuhi perjalanan dari Pasir Salak ke Teluk Intan. Dalam semangat yang tidak mahu melihat berlakunya sebarang pembaziran kepada sumber, kenderaan air diraja ini, Balai Gambang yang dinamakan Cempaka Sari, akan Beta serahkan kepada Kerajaan Negeri untuk digunakan kepada maksud dan tujuan yang sesuai lagi produktif dalam industri pelancongan di negeri Perak".

*Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan Majlis Penghargaan Kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan Para Petugas Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, pada 16 Jun 2015.*

## **BAB 7**

# **ACARA SAMBUTAN SEMPENA PERTABALAN**

Beta amat menghargai peranan pelbagai agensi dan petugas media yang telah memberikan liputan meluas kepada seluruh acara. Media telah melaksanakan peranan amat penting menguar-uarkan acara-acara yang dianjurkan dalam semangat untuk mendidik dan meningkatkan kefahaman dan apresiasi masyarakat umum terhadap peranan dan relevansi institusi Raja dalam sistem berkerajaan dan bernegara yang berlandaskan konsep raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan

Majlis Penghargaan kepada

Ahli-ahli Jawatankuasa dan para petugas

Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV

di Hotel Casuarina@Meru, Perak,

16 Jun 2015.

Kemeriahinan istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak XXXV yang berlangsung di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak pada 6 Mei 2015 turut diserikan dengan kehadiran Wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan, Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri, Perdana Menteri Malaysia bersama-sama isteri, Ketua Menteri, Menteri Besar dan dif-dif jemputan.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim bersama-sama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Raja Jaafar ibni Raja Muda Musa (nombor dua dari kiri), Duli Yang Amat Mulia Raja Di-Hilir Perak Raja Iskandar Dzulkarnain Almarhum Sultan Idris Shah (kiri), Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Raja Nor Mahani binti Raja Shahar Shah (nombor dua dari kanan) dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Tunku Soraya binti Sultan Abdul Halim (kanan) di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim bergambar dari kiri Dato' Sri Diraja Tan Sri Mohd Zahidi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry, Raja Iskandar Dzulkarnain, Raja Jaafar, Raja Nor Mahani, Tunku Soraya, Datin Seri Diraja Saripah dan Toh Puan Datin Seri Diraja Puan Sri Hajah Rasiah.



YTM Tunku Temenggong Kedah Darul Aman, Tan Sri Tunku Mahmud Salehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah dan YTM Tunku Puan Temenggong Kedah Darul Aman, Puan Sri Dato' Seri Tengku Maliha binti Tengku Ariff.



DYTM Tengku Mahkota Pahang Darul Makmur, Tengku Abdullah Al-Haj ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan DYT Tengku Puan Pahang Darul Makmur, Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar.



DYTM Raja Muda Perlis Indera Kayangan, Tuanku Syed Faizzuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullai dan DYT Raja Puan Muda Perlis Indera Kayangan, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.



Tunku Besar Seri Menanti,  
Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz.



Tengku Mahkota Kelantan,  
Tengku Muhammad Fa-Iz Petra ibni Sultan Ismail Petra.



Yang Amat Mulia Tengku Panglima Diraja Selangor Darul Ehsan, Tengku Sulaiman Shah Alhaj  
ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Yang Amat Mulia Tengku Puan  
Panglima Selangor Darul Ehsan, Puteri Tunku Kamariah Aminah Maimunah Iskandariah  
ibni Almarhum Sultan Iskandar.



Tengku Seri Temenggung Terengganu,  
Raja Tengku Baharuddin Sultan Mahmud.



Tengku Mahkota Johor,  
Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim Ismail.



Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas dan Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff.



Yang Dipertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob dan Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina Bt. Kassim.



Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Haji Mahiruddin dan Toh Puan Datin Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni.



Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Ragad Kurdi Taib.



Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Datin Sri Rosmah Mansor.



Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin dan Puan Sri Datin Norainee Abdul Rahman.



1



2



3



4

**Foto 1-4:**

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah beramah mesra bersama-sama:

- 1) Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Fa-Iz Petra ibni Sultan Ismail Petra.
- 2) Tengku Seri Temenggung Terengganu, Raja Tengku Baharuddin Sultan Mahmud.
- 3) Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim Ismail.
- 4) Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz.



Tuanku Bainun dan Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Haji Al Muhtadee.

## MAJLIS SANTAPAN DIRAJA

Majlis Santapan Diraja diadakan di Istana Iskandariah pada 9 Mei 2015 sempena Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV yang dihadiri oleh Raja-raja Melayu, Sultan Brunei, Tuan Yang Terutama Negeri, Pembesar-pembesar Negeri dan Dif-dif Kehormat.



Barisan hadapan dari kiri: Tunku Soraya binti Sultan Abdul Halim, Datin Sri Rosmah Mansor, Toh Puan Majimor Shariff, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar, Tuanku Aishah Rohani Bte Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tuanku Tengku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Almarhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Tuanku Zara Salim, Sultanah Nur Zahirah, Puan Sri Dato' Seri Tengku Malipa binti Tengku Ariff, Datuk Seri Utama Dato' Zurina Bt. Kassim, Raja Nor Mahani binti Raja Shahar Shah, Datin Seri Diraja Saripah Zulkifli, Tun Jeanne Abdullah dan Toh Puan Zulaikha Sheardin.

Barisan belakang dari kiri: Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim Ismail, Raja Iskandar Dzulkarnain Almarhum Sultan Idris Shah, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Tengku Abdullah ibni Sultan Haji Ahmad Shah, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Muhammad V, Tan Sri Tunku Mahmud Salehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa, Dato' Seri Diraja Dr. Zambyr Abdul Kadir, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Musa Hitam.



Dari kiri ke kanan:

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah,  
Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha,  
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Tuanku Zara Salim, Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad'aulah,  
Sultana Terengganu, Sultana Nur Zahirah, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin dan  
Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir.



Raja Azlan Muzzaffar Shah ibni Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (kiri) bersama-sama anakanda-anakanda Sultan Brunei.



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Sultan Sharafuddin Idris Shah semasa Majlis Santapan Diraja, Istana Iskandariah.

## SULTAN DAN RAKYAT

**S**ambutan istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan XXXV ini dimulakan pada 3 Mei 2015.

Acara sambutan disusun selaras dengan titah baginda pada 16 Jun 2015, yang menzahirkan bahawa acara sambutan bukan berbentuk pesta tetapi perlu ada pengisian makna dan pengertian akan relevansi Institusi Raja dalam sistem bernegara dan berkerajaan. Baginda menegaskan budaya mengutamakan *outcome* adalah diutamakan daripada *output*, demi memastikan dalam acara-acara yang dianjurkan oleh negeri, hasilnya dapat dioptimumkan, sementara perbelanjaan dapat diminimumkan sekali gus mengelakkan pembaziran.

Oleh yang demikian, sambutan-sambutan yang dianjurkan menjurus kepada majlis-majlis berbentuk kesyukuran, keilmuan dan program bersama rakyat.





2



3

**Foto 1-3:**

4 Mei 2015: Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pameran Koleksi Gambar Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak XXXV dan DYMM Raja Permaisuri Perak, Setem Hari Pertama dan Hikayat Misa Melayu di Dewan Bandaran Ipoh, Perak.



6 Mei 2015: Setem dan Sampul Surat Hari Pertama bersempena dengan Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV.

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berkenan mencemar duli berangkat ke Pertandingan Akhir Pidato dan Penyampaian Hadiah Penulisan Esei yang berlangsung di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.



4 Mei 2016: Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim berkenan menghadiri Pertandingan Akhir Pidato dan Penyampaian Hadiah Penulisan Esei yang berlangsung di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh.



13 Mei 2015: Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Tuanku Zara Salim beramah mesra dengan rakyat Hilir Perak di Teluk Intan.



14 Mei 2015: Tuanku Zara Salim beramah mesra dengan penghuni Rumah Kebajikan (Kanak-Kanak Istimewa) di Hutan Melintang, Perak.

## BAB 8

# ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA

**Negeri Perak Darul Ridzuan ini telah diamanahkan kepada Kesultanan terdahulu. Kini Ke Bawah Duli Paduka Anakanda merupakan penaung yang memayungi sekalian rakyat jelata. Pedang Cura Si Manja Kini yang disandang oleh Anakanda merupakan lambang darjah kebesaran untuk menerajui bahtera negeri ini sebahagian besar agama Islam serta menjadikan negeri ini sebuah negeri yang termasyhur, penuh keadilan dan kesaksamaan... Negeri Perak Darul Ridzuan ini tetap diamanahkan kepada Kesultanan terdahulu. Kini Ke Bawah Duli Paduka Anakanda merupakan rakan rakyat jelata. Pedang Cura Si Manja Kini yang disandang oleh Anakanda merupakan lambang darjah kebesaran untuk menerajui bahtera negeri ini sebahagian besar agama Islam serta menjadikan negeri ini sebuah negeri yang termasyhur, penuh keadilan dan kesaksamaan...**

**Negeri Perak Darul Ridzuan ini telah diamanahkan kepada Kesultanan terdahulu. Kini Ke Bawah Duli Paduka Anakanda merupakan penaung yang memayungi sekalian rakyat jelata. Pedang Cura Si Manja Kini yang disandang oleh Anakanda merupakan lambang darjah kebesaran untuk menerajui bahtera negeri ini sebahagian besar agama Islam serta menjadikan negeri ini sebuah negeri yang termasyhur, penuh keadilan dan kesaksamaan... Negeri Perak Darul Ridzuan ini tetap diamanahkan kepada Kesultanan terdahulu. Kini Ke Bawah Duli Paduka Anakanda merupakan penaung yang memayungi sekalian rakyat jelata. Pedang Cura Si Manja Kini yang disandang oleh Anakanda merupakan lambang darjah kebesaran untuk menerajui bahtera negeri ini sebahagian besar agama Islam serta menjadikan negeri ini sebuah negeri yang termasyhur, penuh keadilan dan kesaksamaan...**

**Titah Duli Yang Teramat Mulia Raja Jaafar ibni Almarhum Raja Muda Musa Raja Muda Negeri Perak bersemepena dengan Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV, di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak,**

**6 Mei 2015.**

**A**lat-alat Kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan merupakan alat-alat yang tersimpan rapi di dalam istana. Menurut sejarah, alat-alat kebesaran ini dibawa ke Negeri Perak Darul Ridzuan oleh Sultan Perak yang pertama, Sultan Mudzaffar Shah, pada abad keenam belas. Pedang Cura Si Manja Kini, Keris Seri Gading dan Keris Taming Sari adalah antara alat kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan yang paling unggul.

Selain itu, terdapat peralatan seperti Lembing Kerajaan, Payung Kerajaan dan Payung Diraja yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana diwarisi daripada satu keturunan kepada satu keturunan. Kerabat Diraja dan pegawai istana yang tertentu sahaja dibenarkan memegang atau diberi kebenaran menjaga peralatan-peralatan ini. Keunikan setiap peralatan ini diperincikan dengan seni ukiran yang sangat menarik dan mempunyai perlambangan tertentu. Sebagai contohnya, cogan alam berbentuk anak bulan dan bintang melambangkan kedaulatan Islam dan Raja. Lembing dan keris merupakan identiti Raja Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga diwarisi dan kekal ke hari ini. Seni ukiran yang digunakan pada peralatan ini bermotifkan alam semula jadi, bunga-bungaan dan agama Islam.



## TANJAK DIRAJA

Pakaian-pakaian kebesaran Raja-raja Melayu dilengkapi Tanjak Diraja. Semenjak beberapa kurun lamanya, Raja-raja Melayu telah memakai kain yang ditenun dengan sutera yang diikat dengan berbagai-bagai solek di ulunya, sebagai pakaian kebesaran. Bentuk ikatan (solek) dan warnanya adalah berlainan dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Tanjak Diraja ini hampir sama dengan tengkolok.



## AIGRETTE DIRAJA

**A**igrette Diraja ini direka khas oleh Almarhum Paduka Seri Sultan Idris I, Sultan Idris Murshidul'adzam Shah I pada tahun 1911. Apabila Sultan Idris mangkat pada tahun 1916, Aigrette Diraja ini telah dijadikan sebagai satu daripada alat kebesaran Negeri Perak dan pakaian Raja-Raja Pemerintah. Pada hujung bulan Disember 1941, apabila tentera Jepun menghampiri Kuala Kangsar, Encik Jomaran, Pegawai Daerah ketika itu, telah membawa Aigrette Diraja ini ke Singapura untuk dijaga keselamatannya.

Aigrette Diraja telah dikembalikan kepada Almarhum Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Abdul Aziz pada zaman pemerintahan Pentadbiran Tentera British (BMA).



## TIARA

Tiara yang bertatah dengan permata merupakan satu daripada Perkakas Kebesaran Kerajaan Negeri bagi pakaian Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak.

## PEDANG CURA SI MANJA KINI

Cura Si Manja Kini berasal daripada perkataan Sanskrit, Churiga (Si) Mandakini yang bererti Mata Pisau dari Tasik Mandakini (sebuah tasik berhampiran dengan Sungai Ganges, India).

Menurut riwayat, pedang ini pada asalnya kepunyaan Sang Sapurba (juga digelar Nila Utama) yang tiba-tiba menjelma di Bukit Si Guntang Mahameru bersama-sama dengan dua orang adindanya. Menurut Hikayat Ketinggian Salasilah Perak, keturunan Sultan Perak berasal daripada keturunan Sang Sapurba, anakanda kepada Raja Suran dan Puteri Mahtab al-Bahari (puteri kepada Raja Aftab al-Ardzi). Dipercayai bahawa Sang Sapurba telah memerintahkan Permanku Mambang untuk membunuh seekor naga yang diberi gelaran Saktimuna dengan Pedang Cura Si Manja Kini. Pada waktu itu, Saktimuna sedang mengancam penduduk di Minangkabau. Pedang yang sama juga digunakan oleh Parameswara semasa baginda ditabalkan sebagai Maharaja Melaka yang pertama. Nama gelaran Maharaja ini ditukarkan kepada Sultan apabila Parameswara menganut agama Islam.

Almarhum Sultan Mahmud, sultan terakhir negeri Melaka, mewarisi pedang ini dan disimpan oleh baginda sehingga baginda menjadi Sultan Kampar-Sumatera selepas baginda melarikan diri daripada serangan Portugis pada tahun 1511. Baginda mangkat di Kampar pada tahun 1530.

Sebelum mangkat, Sultan Mahmud telah menghantar anakanda baginda Raja Mudzaffar Shah untuk menjadi Sultan Negeri Perak. Semasa keberangkatan Raja Mudzaffar Shah, baginda dilengkapkan dengan Pedang Cura Si Manja Kini dan alat-alat kebesaran kesultanan. Dari tarikh itu, Pedang Cura Si Manja Kini yang melambangkan keagungan dan kekuasaan Raja Pemerintah telah menjadi alat perkakas turun-temurun bagi sultan yang memerintah negeri Perak.





### KERIS TAMING SARI

Keris ini ialah Keris Kerajaan bagi jawatan Laksamana Melaka yang pernah disandang oleh Hang Tuah.

Keseluruhan sarung keris ini diseliputi oleh dedaun emas. Keris ini dipercayai berkeupayaan memiliki kesaktian luar biasa. Dikatakan bahawa Hang Tuah menyerahkan keris ini kepada Tun Mamat untuk dibawa balik menghadap Sultan Melaka pada masa itu kerana beliau terlalu malu untuk menghadap sendiri ke bawah Duli Sultan Melaka kerana gagal mendapatkan Puteri Gunung Ledang. Tatkala Sultan Mahmud meninggalkan Melaka, keris ini dibawa bersama baginda ke Kampar-Sumatera. Kemudian baginda mengurniakan keris ini kepada anakanda baginda Raja Mudzaffar Shah, yang kemudiannya berangkat ke Perak.



## PONTOH

Pontoh Bernaga ialah sepasang gelang emas berkepala naga yang disarungkan ke lengan kanan dan kiri Paduka Seri Sultan dalam istiadat rasmi kebesaran negeri.

Pontoh Ular Lidi ialah sepasang gelang emas berbentuk kepala ular lidi dan dipakai di kedua-dua belah lengan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri dalam istiadat rasmi kebesaran negeri.



## KERIS SERI GADING


**S**ebilah keris dalam Kumpulan Perkakas Kerajaan Negeri Perak. Keris ini berasal dari Bugis dan namanya diambil daripada Istana Raja Bugis ketiga, iaitu Daeng Upu Tanderi Burong. Keris Seri Gading dipunyai oleh Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah yang merupakan pusaka peninggalan daripada nenda baginda Almarhum Sultan Idris Murshidul'adzam Shah, Sultan yang ke-28. Waris-waris Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah kemudian menghadiahkan keris pusaka ini untuk dijadikan satu daripada perkakas kerajaan.



## MESTIKA (GELIGA) EMBUN

**S**atu azimat yang dipersembahkan oleh Toh Seri Nara Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak semasa istiadat pertabalan. Semasa Almarhum Raja Mudzaffar Shah ditabalkan sebagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak yang pertama, di satu tempat yang bernama Tanah Abang pada tahun 1528, Tun Perabu atau dikenali sebagai Tok Puan Puteh (setelah meninggal dunia dipanggil Tok Temong), telah datang ke istiadat pertabalan tersebut dengan diiringi 77 ekor gajah dari Hulu Perak bagi mempersembahkan Mestika Embun kepada Sultan.

Sebagai balasan, Sultan Mudzaffar Shah menghadiahkan Puan Bujur kepada beliau, tetapi ditolak oleh beliau. Sebaliknya, beliau memohon agar baginda Sultan memperkenankan beliau untuk terus memerintah di sebelah kiri mudik Sungai Perak. Beliau juga meminta agar Sultan dan semua Sultan yang mewarisi takhta Kesultanan Perak mengehadkan kawasannya di tebing sebelah kanan mudik Sungai Perak. Permintaan beliau telah diperkenan oleh Sultan Mudzaffar Shah. Walau bagaimanapun, adat tradisi ini telah dihentikan semasa pemerintahan Almarhum Paduka Seri Sultan Idris Shah I yang merupakan Sultan ke-28, apabila baginda membina sebuah istana di tebing kiri mudik Sungai Perak.



## AGOK

**S**ejenis kalong emas hiasan di leher Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri.



## KANCING HALKAH

Perhiasan leher baju bertekad benang emas zaman purbakala dipercayai dikurniakan oleh Maharaja Cina kepada Parameswara. Alat Kebesaran Kerajaan ini telah disimpan dan asas seni ukir yang terdapat pada Kancing Halkah ialah dua pasang naga.



## DOKOH (KERONGSANG BESAR)

Perhiasan yang diperbuat daripada emas berpermata di tengahnya, berbentuk seakan-akan kerongsang yang besar, yang merupakan satu daripada alat kebesaran yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri.



## KAMAR

Tali pinggang emas berkancing yang diletak pada Pending dan dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri dan Puteri Diraja semasa istiadat bersanding.



### RANTAI BUNGA NYIUR

Rantai Bunga Nyiur ialah rantai emas panjang berkerawang seperti bunga nyiur yang dipakai bersilang oleh baginda Sultan bersama dengan pakaian kebangsaan rasmi dalam istiadat-istiadat tertentu.



## MOHOR KECIL CAP HALILINTAR

Mohor yang diperbuat daripada perak, terukir pada mukanya "Sultan Muhamad Shah Dzil Allah fil-Alam". Pemegangnya ialah sebatang kayu yang menggantikan yang asal, kayu Gempita (Guroh) mengambil sempena gelaran Vijaya Indra atau Simbol Guruh. Mohor ini berasal daripada nama Cap Kayu Kempa kepunyaan Sang Sapurba.



## GELUK

**G**eluk merupakan buyung kecil yang diperbuat daripada perak dan emas. Mengandungi 16 biji, iaitu lapan buyung perak dan lapan buyung emas. Perkakas ini digunakan semasa istiadat Mengambil Air Bersiram Tabal di tujuh buah kuala anak Sungai Perak. Paluan Nobat mengiringi perkakas-perkakas ini di sepanjang jalan ke sungai dan balik ke istana. Geluk dihiasi daun nyiur jari lipan dan daun pinang muda dan diisi dengan air tujuh kuala anak Sungai Perak.

Bilangan Geluk-geluk yang digunakan:-

- Bagi baginda Sultan dan Raja Permaisuri serta Putera/Puteri
  - Lapan Geluk Emas
  - Lapan Geluk Perak

- Bagi Putera/Puteri Raja Muda - 11 biji
- Bagi Putera/Puteri Raja Di-Hilir - sembilan biji
- Bagi anak-anak Raja Waris Negeri - tujuh biji

Perkakas-perkakas lain yang diperlukan:-

- tiga cerpin (bekas beras kunyit, bekas beras basah, tepung tawar)
- empat batil (air limau, air bunga panca, bekas kemenyan dan bekas sintuk) satu bekas perasap.

Perkakas-perkakas ini digunakan dalam Istiadat Berlimau Besar dan Istiadat Bersiram Tabal.



### BATIL EMAS

Batil emas berasal dari Aceh dan digunakan dalam Istiadat Berlimau Besar.



## AL-QURAN



## JATA DIRAJA

Jata Diraja ini adalah untuk kegunaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Jata Diraja Perak mengandungi enam lambang yang mempunyai maksud seperti yang berikut:

- Aigrette Diraja sebagai tanda kedaulatan Raja Pemerintah.
- Bulan Sabit - menandakan agama Islam sebagai agama rasmi.
- Bintang Pecah Sembilan - menunjukkan terdapat sembilan daerah di dalam negeri Perak (ketika itu).
- Pedang Kerajaan - bernama Cura Si Manja Kini (melambangkan kekuasaan).
- Cogan kata "Allah Peliharakan Sultan Perak" - doa rakyat kepada Sultan Pemerintah Negeri.
- Bunga Padi melambangkan sumber perusahaan rakyat dan kesuburan negeri.



## JATA DIRAJA

Jata Diraja ini direka khas untuk kegunaan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak. Jata ini mengandungi enam lambang yang mempunyai maksud seperti yang berikut:

- Tiara Diraja - tanda kedaulatan Raja Pemerintah.
- Pedang Kerajaan (Cura Si Manja Kini).
- Bulan - melambangkan agama Islam yang menjadi agama rasmi.
- Bintang Pecah Sembilan - menunjukkan terdapatnya sembilan daerah di dalam negeri Perak (ketika itu).
- Cogan Kata "Allah Peliharakan Raja Permaisuri" - lafaz doa rakyat untuk Raja Permaisuri.
- Bunga Padi - menggambarkan sumber perusahaan rakyat dan kesuburan negeri.



## PANJI DIRAJA

Panji Diraja untuk Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, berlatar belakang putih dan mempunyai Jata Diraja di tengah-tengah. Warna putih ialah warna peribadi Paduka Seri Sultan. Panji Diraja ini mempunyai tiga ukuran. Panji yang berukuran 2.7 meter x 1.8 meter dikibarkan di Istana Paduka Seri Sultan bersemayam.

Panji yang berukuran 1.8 meter x 0.9 meter biasanya dikibarkan di tempat-tempat rasmi apabila Paduka Seri Sultan berangkat mencemar Duli.

Panji yang berukuran 26.7 cm x 19.0 cm dikibarkan di kenderaan Paduka Seri Sultan Perak.



## PANJI DIRAJA

Panji peribadi Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak berukuran 26.6 cm x 19.0 cm berlatar belakang putih dan di tengahnya terdapat Jata Diraja. Panji peribadi ini dikibarkan hanya di kenderaan semasa Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Istiadat rasmi. Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak tidak mempunyai panji peribadi untuk dikibarkan di tempat-tempat baginda bersemayam.



## NOBAT

**N**erkataan nobat berasal dari negeri Parsi yang menggunakan perkataan “naubat” bermakna sembilan jenis. Ia merupakan “pancaragam” Diraja yang telah dimainkan sejak zaman-berzaman di negeri-negeri Melayu bagi Istiadat Pertabalan Raja-raja Melayu.

Negeri-negeri Melayu yang mempunyai nobat ialah Perak, Kedah, Terengganu dan Selangor. Nobat yang digunakan dalam Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Nobat Negeri Perak.

Nobat negeri Perak mengandungi:

- Gendang Nobat - biasanya dikenali sebagai Gendang Nyenyalu.
- Nafiri - digunakan bagi memulakan ses sebuah lagu.
- Gendang Nengkara - gendang yang membawa lagu.
- Serunai - alat yang mengiringi lagu-lagu yang dimainkan.

- Gendang Penengkah - gendang yang memasuki irama ke dalam lagu.

Antara senarai peralatan tersebut, Gendang Nobat menjadi alat yang paling dihormati. Gendang ini menduduki tempat tertinggi serta digunakan dalam acara istiadat diraja sahaja. Walau bagaimanapun, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan boleh menitah nobat ini digunakan untuk mengiringi sesuatu istiadat atau menghormati jenazah.

Peringkat kehormatan yang diberi bergantung pada bilangan alat-alat yang digunakan. Sebagai contoh, Nobat Diraja Perak menggunakan lima daripada sembilan alat pada setiap masa.

Pemain-pemain Alat Nobat ialah ahli daripada keluarga-keluarga tertentu sahaja, iaitu orang Kalur. Pada zaman dahulu, kawasan bilik Nobat dipagar dengan bulu ayam dan sesiapa yang menceroboh kawasan ini akan dihukum dan didenda. Ketua Nobat

diberi gelaran Toh Setia Guna dan pembantunya Toh Setia Indera.

Menurut adat istiadat negeri Perak, tiada Sultan yang boleh dianggap berdaulat sehingga ditabah dengan bunyian Nobat. Begitu juga, adat Lembaga Negeri Perak turut menyatakan rangka yang digunakan dalam membuat semua gendang berasal daripada Teras Kayu Jerun, sementara kulitnya daripada kulit tumur. Walau bagaimanapun, pembaharuan bagi rangka gendang kini diperbuat daripada kayu keras dan kulitnya pula daripada kulit kambing.

#### Lagu-Lagu Nobat:

- Raja Berangkat (Gendang Berangkat)
- Puteri Mandi Mayang
- Rama-rama Terbang Tinggi
- Kumbang Si Kumali (Kumbang Kembali)
- Arak-arak Atandis (Enteals) (Arak-arak Untandai)
- Aleh-aleh Panjang
- Alek-alek Pandak
- Dang Gendang
- Lenggang Che Kobat
- Jong Beraleh
- Anak Raja Membasuh Kaki
- Gendang Perang
- Nobat Tabal
- Nobat Raja
- Nobat Khamis
- Nobat Subuh

Nobat Subuh, Nobat Khamis dan Nobat Raja hanya boleh dimainkan pada sebelah pagi dan petang, sementara lagu Puteri Mandi Mayang dimainkan semasa menyambut ketibaan bulan Ramadan tiga petang berturut-turut, iaitu pada 28, 29 dan 30 bulan Syaaban setiap tahun.

Raja Berangkat (Gendang Berangkat) ialah lagu yang dimainkan semasa Ke Bawah Duli berangkat mencemar Duli dalam upacara rasmi.

Nobat Diraja Perak dibunyikan untuk upacara atau Istiadat:

- Sesuatu yang berkaitan dengan peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.
- Semasa Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri.
- Masa Tabal Pusaka
- Bersiram Tabal
- Hari Meletak (memulakan) kerja:  
Hari meletak kerja menyambut perayaan ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.



## **BAB 9**

# **SULTAN-SULTAN PERAK**

Institusi Raja bukan cermin lama untuk melihat wajah yang tua. Takhta pemerintahan, tidak sekadar ornament hiasan. Pemerintahan berpaksikan Raja termaktub secara perundangan dalam Perlembagaan Negara. Sepuluh peratus; iaitu 183 Perkara dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berkaitan Raja; bermakna Negara Malaysia yang mengamalkan sistem kerajaan berkonsepkan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, telah memperuntukkan secara perundangan peranan dan tanggungjawab tertentu kepada Raja Pemerintah. Oleh itu, takhta perlu bertenaga, bersifat dinamik lagi meyakinkan, memenuhi peranan sebagai payung penyatuan dalam landskap politik yang semakin memperlihatkan unsur-unsur perpecahan, yang semakin mengancam keharmonian hubungan antara agama - antara kaum.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan

Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV,

Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak,

6 Mei 2015.

## **PEMERINTAHAN SULTAN-SULTAN PERAK**

1. **Sultan Mudzaffar Shah I** (Marhum Tanah Abang)  
(TM 1528-1549)  
Dimakamkan di Tanah Abang, Teluk Bekong, Lambor Kanan, Perak Tengah.
2. **Sultan Mansur Shah I** (Marhum Kota Lama Kanan)  
(TM 1549-1577)  
Dimakamkan di Masjid Kota Lama Kanan.
3. **Sultan Ahmad Tajuddin Shah** (Marhum Muda)  
(TM 1577-1584)  
Dimakamkan di Kampung Jawa, Pulau Tiga, Perak Tengah.
4. **Sultan Tajul Ariffin** (Marhum Mangkat Di Tebing)  
(TM 1584-1594)  
Dimakamkan di Pulau Semat, Senggang, Kuala Kangsar.
5. **Sultan Alauddin Shah** (Marhum Mangkat di Darat)  
(TM 1594-1603)  
Dimakamkan di Pekan Bota Kanan, Perak Tengah.
6. **Sultan Mukaddam Shah**  
(TM 1603-1619)  
(Marhum Mangkat di Aceh).
7. **Sultan Mansur Shah II**  
(TM 1619-1627)  
(Marhum Mangkat di Aceh).
8. **Sultan Mahmud Shah** (Marhum Pulau Tiga)  
(TM 1627-1630)  
Dimakamkan di Kampung Pulau Tiga, Perak Tengah.
9. **Sultan Sallehuddin** (Marhum Mangkat di Kampar)  
(TM 1630-1636)  
Dimakamkan di Padang Changkat, Lambor Kanan, Perak Tengah.

10. **Sultan Mudzaffar Shah II** (Marhum Jalilullah)  
(TM 1636-1654)  
Dimakamkan di Air Mati, Padang Changkat, Lambor Kanan, Perak Tengah.
11. **Sultan Mahmud Iskandar Shah** (Marhum Besar Aulia Allah)  
(TM 1654-1720)  
Dimakamkan di Kampung Jawa, Pulau Tiga, Perak Tengah.
12. **Sultan Alauddin Mughayat (Riyat) Shah** (Marhum Sulong)  
(TM 1720-1728)  
Dimakamkan di Kampung Jawa, Pulau Tiga, Perak Tengah.
13. **Sultan Mudzaffar Shah III** (Marhum Haji Allah)  
(TM. 1728-1752)  
Dimakamkan di Kampung Selat, Bota Kanan, Perak Tengah.
14. **Sultan Muhammad Shah** (Marhum Aminullah)  
(TM 1744-1750)  
Dimakamkan di Kampung Pulau Tiga, Perak Tengah.
15. **Sultan Iskandar Dzulkarnain** (Marhum Kaharullah)  
(TM 1752-1765)  
Dimakamkan di Pulau Indera Sakti, Perak Tengah.
16. **Sultan Mahmud Shah** (Marhum Muda)  
(TM 1765-1773)  
Dimakamkan di Kampung Pasir Pulai, Pulau Besar, Perak Tengah.
17. **Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda** (Marhum Sulong)  
(TM 1773-1786)  
Dimakamkan di Kampung Teluk Memali, Perak Tengah.
18. **Sultan Ahmadaddin Shah** (Marhum Bongsu)  
(TM 1786-1806)  
Dimakamkan di Pekan Bota Kanan, Perak Tengah.

19. **Sultan Abdul Malik Mansur Shah** (Marhum Jamalullah)  
(TM 1806-1825)  
Dimakamkan di Bandar Baru, Pulau Besar, Perak Tengah.
20. **Sultan Abdullah Mu'azzam Shah** (Mathum Khalilullah)  
(TM 1825-1830)  
Dimakamkan di Pulau Juar, Teluk Kepayang, Perak Tengah.
21. **Sultan Shahabuddin Riayat Shah** (Marhum Safiullah)  
(TM 1830-1851)  
Dimakamkan di Kampung Tanjung Penanggoh, Kampong Gajah, Perak Tengah.
22. **Sultan Abdullah Muhammad Shah I**  
(Marhum Iti Kadullah atau Marhum Durian Sebatang)  
(TM 1851-1857)  
Dimakamkan di Kampung Terengganu, Teluk Intan, Perak.
23. **Sultan Ja'afar Mu'aazzam Shah** (Marhum Waliullah)  
(TM 1857-1865)  
Dimakamkan di Pulau Juar, Teluk Kepayang, Perak Tengah.
24. **Sultan Ali al-Mukammal Inayat Shah** (Marhum Nabi Allah)  
(TM 1865-1871)  
Dimakamkan di Gedung Siam, Sayong, Kuala Kangsar.
25. **Sultan Ismail Mu'abidin Riayat Shah**  
(TM 1871-1874)  
(Marhum Mangkat di Skudai).
26. **Sultan Abdullah Muhammad Shah II** (Marhum Habibullah)  
(TM 1874-1876)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
27. **Sultan Yusuf Sharifuddin Mudzaffar Shah** (Marhum Gharirullah)  
(TM 1886-1887)  
Dimakamkan di Masjid Sayong Tengah, Kuala Kangsar.

28. **Sultan Idris Murshidul'adzam Shah I** (Marhum Rahmatullah)  
(TM 1887-1916)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
29. **Sultan Abdul Jalil Karamatullah Shah** (Marhum Radziallah)  
(TM 1916-1918)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
30. **Sultan Iskandar Shah** (Marhum Kadasallah)  
(TM 1918-1938)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
31. **Sultan Abdul Aziz Almustasim Billah Shah** (Marhum Ni'matullah)  
(TM 1938-1948)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
32. **Sultan Yussuff Izzuddin Shah** (Marhum Ghafarullah)  
(TM 1948-1963)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
33. **Sultan Idris Iskandar Shah II** (Marhum Affifullah)  
(TM 1963-1984)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
34. **Sultan Azlan Muhibbuddin Shah** (Marhum Al-Maghfur-Lah)  
(TM 1984-2014)  
Dimakamkan di Permakaman Diraja Bukit Chandan, Kuala Kangsar.
35. **Sultan Nazrin Muizzuddin Shah**  
29 Mei 2014 hingga sekarang.

## ORANG BESAR NEGERI

Dewan Negara, selain menasihati Raja Pemerintah dalam pelantikan Bakal Sultan dan Raja-raja Bergelar, juga menasihati Raja Pemerintah dalam pelantikan Orang Besar Negeri yang turut membantu Raja Pemerintah menjalankan tugas-tugas harian.

Orang Besar Negeri yang dilantik oleh Raja Pemerintah adalah terdiri daripada:

- Orang Besar Empat yang mempunyai gelaran-gelaran dan fungsi-fungsi tersendiri dan orang-orang lelaki yang lain dengan gelaran Toh Muda bagi tiap-tiap gelaran itu. Walau bagaimanapun, tiada gelaran Toh Muda Orang Kaya Bendahara diberi.
- Orang Besar Delapan yang mempunyai gelaran-gelaran dan fungsi-fungsi tersendiri dan orang-orang lelaki yang lain dengan gelaran Toh Muda kecuali gelaran Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan dengan syarat-syarat sebagaimana termaktub dalam Seksyen 38 (1) dan (2).
- Orang Besar Enam Belas dan memegang gelaran-gelaran tertentu dengan syarat-syarat sebagaimana termaktub dalam Seksyen 47 (2) Undang-undang Tubuh Kerajaan. Orang Besar Enam Belas yang dilantik hendaklah terdiri daripada orang lelaki yang telah berjasa kepada negeri.
- Orang Besar Tiga Puluh Dua memegang gelaran-gelaran yang telah ditetapkan oleh Raja Pemerintah dengan nasihat Dewan Negara, dan tertib kedudukan bagi Orang Besar Negeri kecuali hendaklah mengikut tertib kedudukan:
  - Orang Besar Negeri mengikut taraf tetapi disyaratkan bahawa Toh Puan bagi Orang Besar Negeri itu hendaklah mengambil tingkat kedudukannya yang hampir di bawahnya.
  - Orang Besar Enam Belas.
  - Toh Muda Orang Besar Negeri mengikut tertib kedudukan Orang Besar Negeri yang mengenainya.
  - Gelaran-gelaran yang tiada ditentukan tertib kedudukan dalam bahagian ini mengikut tarikh lantikan bagi mana-mana gelaran yang demikian itu.

Selain menjadi Ahli-ahli Tetap Dewan Negara, Raja-raja Bergelar, Orang Besar Negeri, Orang Besar Enam Belas atau Toh Muda kepada Orang Besar Negeri, atas nasihat Dewan Negara, Raja Pemerintah boleh melantik di antara mereka menjadi Orang-Orang Besar Jajahan yang mempunyai fungsi-fungsi berikut:

- Menyempurnakan apa-apa tanggungan dan menggunakan apa-apa hak yang harus diamanahkan kepadanya oleh Raja Pemerintah atau oleh Raja Pemerintah di dalam Dewan Negara;
- Menyempurnakan apa-apa tanggungan dan menggunakan apa-apa hak yang diberikan kepada seseorang Orang Besar Jajahan oleh mana-mana undang-undang yang berjalan; dan
- Menyempurnakan apa-apa tanggungan dan menggunakan apa-apa hak yang harus diberikan kepadanya oleh mana-mana undang-undang yang berjalan kuat kuasanya pada masa hadapan di dalam negeri ini.

Orang-orang Besar Jajahan yang dilantik bertanggungjawab kepada Raja Pemerintah di dalam Dewan Negara menerusi Raja Di-Hilir bagi kesempurnaan apa-apa tanggungan yang diamanahkan kepadanya dan bagi kegunaan yang betul apa-apa hak yang diberikan kepadanya.

---

#### **ORANG BESAR EMPAT:**

- Yang Amat Bahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja
  - Yang Amat Bahagia Orang Kaya Besar Maharaja Diraja
  - Yang Amat Bahagia Orang Kaya Temenggung Paduka Raja
  - Yang Amat Bahagia Orang Kaya Menteri Paduka Tuan
- 

#### **ORANG BESAR DELAPAN:**

- Yang Bahagia Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota
- Yang Bahagia Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda
- Yang Bahagia Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja
- Yang Bahagia Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar DiRaja
- Yang Bahagia Orang Kaya-Kaya Shahbandar Paduka Indera
- Yang Bahagia Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja

- YBhg. Orang Kaya Kaya Seri Agar DiRaja
  - YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan
- 

**TOH MUDA ORANG BESAR EMPAT:**

- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya Temenggung Paduka Raja
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya Menteri Paduka Tuan

*Nota : Tidak Ada Toh Muda Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja*

---

**TOH MUDA ORANG BESAR DELAPAN:**

- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Shahbandar Paduka Indera
- Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja
- Yang Dihormati Orang Kaya-Kaya Seri Agar Diraja

*Nota : Tidak Ada YDH Toh Muda Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan*

---

**ORANG BESAR ENAM BELAS:**

- Yang Dihormati Toh Seri Maharaja Lela
- Yang Dihormati Toh Paduka Indera
- Yang Dihormati Toh Maharaja Dewa
- Yang Dihormati Toh Maharaja Indera
- Yang Dihormati Toh Shahbandar Ulu
- Yang Dihormati Toh Tan Dewa Paduka
- Yang Dihormati Toh Paduka Setia
- Yang Dihormati Toh Sedewa Raja
- Yang Dihormati Toh Paduka Raja
- Yang Dihormati Toh Perdana Indera
- Yang Dihormati Toh Indera Jaya
- Yang Dihormati Toh Seri Bijaya
- Yang Dihormati Toh Seri Lela Paduka
- Yang Dihormati Toh Amar Seri Diraja
- Yang Dihormati Toh Raja Diraja
- Yang Dihormati Toh Seri Wangsa

### **ORANG BESAR TIGA PULUH DUA**

- Yang Dihormati Toh Purba Diraja
- Yang Dihormati Toh Suri Wati
- Yang Dihormati Toh Kohor Alam
- Yang Dihormati Toh Pendekar Alam
- Yang Dihormati Toh Perkerma Wati
- Yang Dihormati Toh Lela Indera
- Yang Dihormati Toh Kelana Perkasa
- Yang Dihormati Toh Kamar Lela
- Yang Dihormati Toh Pendewa Sakti
- Yang Dihormati Toh Seri Indera Lela
- Yang Dihormati Toh Sakna Menteri
- Yang Dihormati Toh Mangku Diraja
- Yang Dihormati Toh Tan Dewa Raja
- Yang Dihormati Toh Sa Indera Lela
- Yang Dihormati Toh Sakna Bongsu
- Yang Dihormati Toh Johan Pahlawan
- Yang Dihormati Toh Rakna Sakti
- Yang Dihormati Toh Puspawati
- Yang Dihormati Toh Jana Pahlawan
- Yang Dihormati Toh Dewa Mahkota
- Yang Dihormati Toh Indera Wangsa
- Yang Dihormati Toh Sukar DiLawan
- Yang Dihormati Toh Amar DiWangsa
- Yang Dihormati Toh Demang Perwira
- Yang Dihormati Toh Bahtera Diraja
- Yang Dihormati Toh Kelana Diraja
- Yang Dihormati Toh Tan Dewa Sakti
- Yang Dihormati Toh Mahkota Lela
- Yang Dihormati Toh Bijaya Wati
- Yang Dihormati Toh Bahagia Negara
- Yang Dihormati Toh Mekong
- Yang Dihormati Toh Amar Pahlawan

SISIPAN

## TITAH DAN TEKS UCAPAN

Secara halus dan terhormat para penulis dalam tulisan masing-masing, seiring dengan kata-kata pengiktirafan mereka, mengharapkan Paduka Adinda dapat memenuhi peranan untuk menyuntik nafas dinamik kepada institusi Raja agar institusi ini diterima sebagai institusi yang kekal relevan lagi berfungsi dalam era modenasi yang berteraskan amalan demokrasi.

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersempena dengan Majlis Pelancaran Buku

**“His Royal Highness Sultan Nazrin Shah. Reflections and Recollections”**  
di Hotel Concorde, Kuala Lumpur,

2 Mei 2015.

---

TITAH

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**ISTIADAT PERTABALAN  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN XXXV  
ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR, PERAK  
6 MEI 2015**

---

BISMILLAHİ RAHMANI RAHİM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH SALAM SEJAHTERA

Tiada Tuhan disembah selain ALLAH. Maha Suci Allah yang di tangan-Nya segala Kerajaan.<sup>1</sup> Maha Besar Allah yang menganugerahkan Kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan mencabut Kerajaan daripada orang yang Engkau kehendaki;<sup>2</sup> Kepunyaan Allah Kerajaan langit dan bumi; Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.<sup>3</sup>

YA-MALIK, YA-AZIZ, A-JABBAR, YA-RA'AFI, dengan berkat keagungan Asmaul-Husna Hamba-Mu ini, dengan ingatan yang bening – dengan hati yang hening, melafazkan kalam yang tulus daripada pancaran mata hati, akan kalimah kesyukuran kepada Mu yang telah mengangkat hamba-Mu ini sebagai seorang Amirulkukminin. Ia adalah amanah besar, sarat dengan ujian - berat dengan tanggungan.

Dalam memenuhi amanah ini, Hamba-Mu memohon ihsan untuk dikurniakan hikmah kebijaksanaan pemerintahan seperti yang pernah Engkau kurniakan kepada Nabi Daud Alaihissalam dan Nabi Sulaiman Alaihissalam menurut ayat-ayat yang terkandung dalam Surah Shaad. Demikian juga dimohonkan untuk disingkapkan rahsia agar Hamba-Mu dapat menemui pedoman di sebalik kehebatan Zul-Qurnain, yang diperihalkan dalam Surah Al-Khafi sebagai seorang Raja yang beriman lagi soleh, bijaksana dan memerintah dengan adil.

Sebagai Sultan yang baru diamanahkan menakhodai bahtera negeri, masih banyak perkara yang perlu dipelajari. Pelayaran yang panjang ini tidak mungkin dapat dilakukan secara berseorangan. Hamba-Mu mohon untuk dikurniakan para wazir dan pembesar negeri serta

anggota pentadbiran yang memiliki iman dan takwa seperti yang pernah dikurniakan kepada Khalifah ketujuh Dawlah Uthmaniyyah, Sultan Muhammad al-Fatih, seorang Sultan yang berani melakukan pembaharuan, memerintah dengan cemerlang hingga berjaya menukar haluan sejarah. Betapa pemerintahan Sultan Muhammad al-Fatih didukung oleh ulama dan umara di samping angkatan tentera yang tidak pernah meninggalkan solat wajib dan separuh daripada mereka tidak pernah meninggalkan solat rawatib.

Kurniakan Hamba-Mu ini dengan sifat warak dan soleh seperti yang telah Engkau kurniakan kepada Salahuddin Ayyubi, yang sering mengalirkan air mata ketika mendengar dan membaca ayat-ayat suci al-Quran. Meskipun bertaraf Sultan, Salahuddin Ayubbi melakukan pengembaraan, menjelajah dunia ilmu berguru dengan Imam Malik, mengamalkan sifat pemurah dan suka bersedekah; ketika menghembuskan nafas terakhir, hanya meninggalkan sekeping syiling emas dan empat puluh tujuh keping syiling perak. Hamba-Mu memohon perlindungan, agar senantiasa dipelihara, tidak salah guna khazanah negeri, seperti yang diamalkan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz, terkenal dengan sikap merendah diri, adil lagi teliti mengendalikan urusan negara, terutama dalam menangani rasuah serta kesaksamaan ekonomi; memperlihatkan amalan integriti yang amat tinggi, memadamkan pelita yang menggunakan minyak milik negara ketika melakukan kerja peribadi.

Era kegemilangan sesuatu pemerintahan tercipta apabila pemimpin menghormati ulama dan menghargai ilmuwan; ulama dan ilmuwan yang berani menyuarakan yang hak dan tegas menentang yang batil. Lalu Raja mendapat nasihat tepat, dilindungi daripada tersasar arah. Era kecemerlangan sesuatu pemerintahan dipengaruhi oleh khidmat tulus lagi murni para umara yang teguh imannya, kukuh prinsipnya bersifat amanah, jujur dan ikhlas; pada setiap masa mendaulatkan undang-undang dan sama sekali tidak akan bersekutu melakukan perkara mungkar.

Pada era Kesultanan Melayu Melaka, daulat dikaitkan dengan karisma Raja, apabila negeri aman, makmur dan kaya-raya, tumbuhan subur di ladang, ternakan membiak, rakyat bertambah; maka Raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi berdaulat<sup>4</sup>. Hujjatul Islam Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam Kitab Ketatanegaraan, *Nasihatul Muluk* (Nasihat untuk Raja-raja), menyemaikan budaya ilmu dan tatacara pentadbiran yang menegaskan perpaduan negara, berdasarkan kefahaman bermakna mengenai Tuhan, hakikat alam semesta, kehidupan dan kehidupan selepas mati<sup>5</sup>. Islam menegaskan agar pemerintah menyayangi rakyat dan tentunya rakyat akan membala kasih sayang tersebut<sup>6</sup>.

Keluhanan institusi Raja perlu dipelihara daripada sebarang penodaan, agar warga kekal menabur bunga setia. Ketika warga kelihatan semakin hanyut dilambung emosi, amatlah penting diperingatkan semula, kisah perit hikayat lama; betapa akibat fitnah - betapa kerana

hasad dengki, takhta telah disalah pengaruh. Tercetus sengketa antara dua saudara yang sebangsa – seagama – seperguruan. Bisa Taming Sari ditusuk ke dada saudara sendiri; yang tewas terkubur tanpa setungkul nisan jasa, yang menang dihempas gelombang serba-salah sepanjang masa, betapa Dang Baru memamah pahit sirih derita, berpinang dan bergambil sengsara ke akhir usia, dan keagungan Melaka akhirnya luntur.

Institusi Raja bukan cermin lama untuk melihat wajah yang tua. Takhta pemerintahan, tidak sekadar ornamen hiasan. Pemerintahan berpaksikan Raja termaktub secara perundangan dalam Perlembagaan Negara. Sepuluh peratus; iaitu, 19 daripada 183 Perkara dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berkaitan Raja; bermakna Negara Malaysia yang mengamalkan sistem kerajaan berkonseptan Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, telah memperuntukkan secara perundangan peranan dan tanggungjawab tertentu kepada Raja Pemerintah. Oleh itu, takhta perlu bertenaga, bersifat dinamik lagi meyakinkan, memenuhi peranan sebagai payung penyatuan dalam landskap politik yang semakin memperlihatkan unsur-unsur perpecahan, yang semakin mengancam keharmonian hubungan antara agama - antara kaum.

Istiadat pagi ini melambangkan citra untuk terus mendaulatkan institusi Raja, satu pelanjutan adat – satu kesinambungan budaya, berlangsung dalam era modenisasi; betapa keindahan adat – betapa kekayaan budaya, kukuh teranyam dalam tradisi negara bangsa; sekali gus mengekalkan identiti satu tamadun pemerintahan, negeri beraja – rakyat bersultan, yang telah sekian lama berakar dalam sistem berkerajaan dan bernegara di bumi ini.

Kata yang empunya hikayat, ketika bahtera Sultan Muzaffar Shah tersangkut di Beting Beras Basah, Baginda pun memandang ke langit dengan sawab titahnnya;

“Sekongkong Tanah Minangkabau  
Selilit Pulau Perca  
Di lengkung ular Saktimuna  
Perpisahan Beta di Selat Melaka  
Jika sah Beta Raja Berdaulat  
Lepaskan Sekalian malapetaka”.

Maka disahut oleh Tun Saban dengan sekalian rakyat teriakan “DAULAT TUANKU” sebanyak tiga kali, lalu bahtera Baginda pun melepassi muara memudiki Sungai Perak. Baginda ditabalkan di Tanah Abang sebagai Sultan, Raja Pemerintah dan Yang Dipertuan Negeri Perak pada tahun 1528. Telah 487 tahun peristiwa bersejarah itu berlaku. Beta mewarisi sejarah tersebut. Pada 28 Mei 2014, Dewan Negara Perak telah mencapai kata sepakat menamakan

Beta sebagai Sultan Perak XXXV dengan gelaran Sultan Nazrin Muizzuddin Shah; Muizzuddin bermaksud “pemerkasa agama”. Sesungguhnya Islam itu ialah identiti yang tidak dapat dipisahkan dengan Raja Melayu.

Dengan pengislaman Raja Melaka pada tahun 1409<sup>7</sup>, Islam bertapak lebih kuat di alam Melayu<sup>8</sup>, dijadikan agama rasmi Melaka semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446-1458)<sup>9</sup>. Kesultanan Melaka dianggap sebagai salah sebuah Kerajaan Islam yang ulung di Asia Tenggara, berperanan sebagai pusat penyebaran Islam di Nusantara<sup>10</sup>.

Beberapa pengubahsuaian berlaku dalam sistem pemerintahan dengan pengenalan identiti baharu; menghapuskan konsepsi lama yang menganggap Raja sebagai “penjelmaan tuhan di bumi”, status yang meletakkan Raja sama taraf dengan Tuhan, beralih kepada konsepsi bahawa Raja adalah “bayangan ALLAH di muka bumi (zillullah fi al-Ard)”<sup>11</sup>. Hubungan batiniah Raja dengan para dewata ditinggalkan, di sebaliknya talian spiritual dirangkaikan dengan Allah dan Rasul serta kekudusan tokoh para aulia dan arbia<sup>12</sup>. Berdasarkan konsepsi baharu ini, Raja hanya bertaraf khalifah di bumi dengan sifat-sifat kemanusiaan. Kuasa Raja disandarkan dengan hukum kerana Raja juga tidak boleh mengingkari tuntutan syarak. Kemuliaan Raja dinilai dari sudut amal makruf menyempurnakan tanggungjawab, lantas menginsafkan Raja bahawa pemerintahan adalah satu amanah ILAHI.

Islam mempengaruhi dan mencorakkan pendekatan pemerintahan Raja Melayu, beralih daripada pemerintahan berpaksikan individu kepada pemerintahan berpaksikan undang-undang. Islam telah mencorakkan sistem semak dan imbang terhadap kuasa Raja, memastikan Raja bersikap adil dan perlu menyempurnakan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah berpandukan al-Quran – bersandarkan Sunnah Rasul.

Kuasa Raja tidak dipertikaikan, selagi Raja tidak memperlihatkan sifat menyeleweng dan selagi Raja mematuhi hukum yang telah termaktub. Undang-undang Melaka menggariskan bahawa martabat tinggi seseorang Raja dinilai dari sudut amal makruf menyempurnakan tanggungjawab. Digambarkan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al Nafis* bahawa fungsi utama Raja adalah untuk menjunjung hukum ALLAH; bahawa krisis akan terjadi jika perintah ALLAH diingkari, dan apabila Raja memerintah dengan nafsu<sup>13</sup>. Raja diperingatkan akan pentingnya keadilan, akan pentingnya hari kebangkitan, akan pentingnya tanggungjawab sesama ummah. Prinsip kesetiaan rakyat kepada Raja berpaksikan keadilan tidak mengizinkan Raja mengamalkan sifat “Bersultan di mata, beraja di hati”. Nuruddin al Raniri dalam kitab *al-Fawaid al Bahiyah* memperingatkan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alai

Wassalam akan tanggungjawab seorang Raja; bahawa sehari amalan seorang Raja yang adil, lebih afdal daripada amalan seorang yang beribadat selama enam puluh tahun; bahawa Raja yang zalim atau mengkhianati rakyatnya, tidak akan mencium bau syurga<sup>14</sup>.

Raja Pemerintah ialah payung kedaulatan negara, wajib memberi naungan saksama kepada setiap warga, tanpa mengira kaum – tanpa mengira agama. Takhta pemerintahan berperanan sebagai tonggak kestabilan – sumber keadilan – teras perpaduan – payung penyatuan, instrumen kesatuan dalam kepelbagaian. Semestinya takhta pada setiap ketika tidak bersifat partisan, malah wajib mencuar tinggi di atas segala polemik kepartisan, demi memastikan peranan takhta diterima baik, ketika takhta diperlukan berperanan sebagai penimbang tara untuk mendamaikan sebarang persengketaan.

Kekuatan sesebuah negara amat dipengaruhi oleh tahap amal makruf yang dilakukan serta ketegasan negara memerangi kemungkarannya, ia adalah mutiara berharga, penentu kepada kerukunan dan kemakmuran. Mutiara seperti yang digambarkan di dalam al-Quran, ayat 15 Surah Saba.

YA MUTAKABBIR, YA MU'MIN, YA MUHAIMIN, YA SALAM, Hamba-Mu ini, sekali lagi memohon ihsan daripada Mu, agar dikurniakan hikmah, dianugerahkan taufik - dilimpahkan hidayah. Semoga Negeri dan Rakyat Perak Darul Ridzuan senantiasa mendapat lindungan daripada Mu juga dan dilimpahkan segala keberkatan fid-dunia wal-akhirat.

Wabillahitaufik, walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

<sup>1</sup> “Surah Al-Mulk”, *Al-Quran*, 29:1.

<sup>2</sup> “Surah Ali’ Imran”, *Al-Quran*, 3:26.

<sup>3</sup> “Surah Ali’ Imran”, *Al-Quran*, 3:189.

<sup>4</sup> Muhammad Yusoff b. Hashim, “Kesultanan Melaka dan Budaya Politik” dalam Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1), (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), 189.

<sup>5</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, Budaya Ilmu dan Gagasan 1 Malaysia: Membina Negara Maju dan Bahagia, (Kuala Lumpur: Akademi Kenegaraan BTN, 2010), 16.

<sup>6</sup> “Hadis Riwayat Bukhari, Muslim, Tirimidhi” dalam Wan Mohd. Nor Wan Daud, 19.

<sup>7</sup> Encyclopedia of Islam, 1218.

<sup>8</sup> Abdul Monir b. Yaacob, “Undang-undang Islam Dalam Hukum Kanun Melaka” dalam Polemik Sejarah Malaysia-Jilid 1 (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), 319.

<sup>9</sup> Abu Bakar Abdullah, Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah Dan Penyelesaiannya (Kuala Terengganu: Pustaka Damai, 1986), 8.

<sup>10</sup> Abdullah Alwi Hassan, “Perkembangan Institusi Pentadbiran Islam di Malaysia” kertas dalam Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia (Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 16-18 Ogos 1994), 1.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Muhammad Yussoff b. Hashim, “Kesultanan Melaka dan Budaya Politik” dalam Polemik Sejarah Malaysia Jilid 1 (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008), 192.

<sup>13</sup> Virginia Matheson Hooker, Kajian Pengenalan,, *Tuhfat al Nafis*, (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), xvi.

<sup>14</sup> Wan Mohd. Nor Wan Daud, 42.

---

**TITAH**

**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK  
RAJA DATO' SERI JAAFAR IBNI ALMARHUM RAJA MUDA MUSA**

**ISTIADAT PERTABALAN  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN XXXV**

**ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR, PERAK  
6 MEI 2015**

---

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABARAKATUH

Bersempena dengan Istiadat Pertabalan Paduka Anakanda sebagai Sultan Perak Darul Ridzuan ke-35 pada hari yang bersejarah ini, 6 Mei 2015 bersamaan 17 Rejab 1436 Hijrah, Patek Paduka Ayahanda, Raja Jaafar Ibn Almarhum Raja Muda Musa, Raja Muda, dengan penuh hormat takzimnya datang menghadap ke majlis Paduka Anakanda Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah, yang kini bersemayam di Istana Iskandariah, di atas Tahta Pemerintahan kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, dengan beroleh selamat serta penuh kesejahteraan dan kemuliannya.

Paduka Anakanda Tuanku Duli Yang Maha Mulia, Pertabalan Paduka Anakanda sebagai Sultan Perak yang ke-35 ini adalah menyelusuri mengikut adat Kesultanan Melayu Negeri Perak yang termaktub dalam Undang Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak bahagian kedua.

Justeru, Negeri Perak Darul Ridzuan ini telah diamanahkan kepada Kesultanan terdahulu. Kini Ke Bawah Duli Paduka Anakanda merupakan penaung yang memayungi sekalian rakyat jelata. Pedang Cura Si Manja kini yang disandang oleh Anakanda merupakan lambang darjah kebesaran untuk menerajui bahtera negeri ini ke arah yang berpaksikan agama Islam serta menjadikan negeri ini sebuah negeri yang termasyhur, penuh keadilan dan kesaksamaan.

Dalam Majlis Pertabalan yang penuh gilang-gemilang ini, Patik Paduka Ayahanda, mewakili Paduka Ayahanda Raja Di-Hilir, Bonda Bonda Raja Puan Besar dan Raja Puan Muda, Raja Raja Bergelar, Adinda-adinda, seluruh kerabat serta Waris-Waris Negeri, Anak Anak Raja, Hamba-Hamba Tua Orang-Orang Besar Negeri, semuanya yang bernaung di bawah Payung Keadilan Ke Bawah Duli Paduka Anakanda. Patik-Patik semua datang menyembahkan setinggi-tinggi Tahniah dan Taat Setia yang tidak berbelah bahagi kepada Paduka Anakanda sebagai Sultan ke-35, Sultan dan Yang Dipertuan, Raja Pemerintah bagi negeri Perak Darul Ridzuan serta jajahan takluknya.

Sembah ucapan tahniah jua dizahirkan kepada Paduka Anakanda Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim, yang telah dimasyhurkan sebagai Raja Permaisuri Perak.

Ampun Tuanku,

Sebelum Patik mengundur diri, Patik sukalah menambah sedikit menzahirkan perasaan kesyukuran atas pelantikan serta Pertabalan Anakanda sebagai Sultan pada hari ini.

Namun demikian, Patik jua sedar bahawa sebagai Raja Pemerintah bagi sebuah negeri yang terbesar, yang diduduki oleh rakyat berbilang kaum yang begitu ramai, dengan budaya dan agama, bercorak Pelbagai pendapat dan ragam politik, maka bukanlah mudah bagi seseorang Raja untuk memerintah dengan adil dan saksama, mengimbangkan kehendak rakyat di kiri dan di kanan, di peringkat atasan dan bawahan.

Namun, Patik yakin bahawa Paduka Anakanda boleh melaksanakan kehendak amanah yang besar ini, tanggungjawab yang berat dan mencabar sebagai Raja berperlembagaan, berpandu kepada prinsip berkecuali, toleransi, senantiasa memberi fokus kepada keadilan dan kesaksamaan. Pemerintahan ini, Insya-Allah akan diberkati Allah SWT, dengan Paduka Tuanku sebagai amirulmukminin.

Sekian sahaja - Wabillahi Taufik, Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DAULAT TUANKU.

---

TEKS UCAPAN

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD. KADIR  
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN**

**ISTIADAT PERTABALAN  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN XXXV  
ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR, PERAK  
6 MEI 2015**

---

Menghadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Ampun Tuanku Beribu-beribu Ampun, Sembah Patik Harap Diampun

Dengan kalam pemilik alam, patik berdatang merafak sembah, sembah takzim hamba yang lemah, buat Paduka Sultan yang penuh hikmah, di istiadat yang penuh barakah.

Gembiranya sungguh hamba sahaya, sembah tahniah Paduka yang mulia, hamba semua berikrar setia, menjunjung kasih sepanjang masa.

Syahdan pada hari yang penuh kemuliaan ini, terungkaplah tawarikh atas sebuah kerajaan, daripada salasilah kesultanan Perak Darul Riduan, yang sebermulanya lanjutan daripada kerajaan Melayu Melaka, yang ditamsilkan daripada wa'ad Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba.

Berpaksikan Islam dan bersendikan adat, maka dimasyhurkan dan ditabalkan seorang Raja Pemerintah yang berdaulat. Patik sekalian berdoa, agar Paduka Seri Tuanku berada di singgahsana, dalam kesihatan dan keafiatan serta kesejahteraan di dunia dan akhirat (hasanah fiddunya wal akhirah).

Selaku Memanda Menteri Besar, seyogia Patik dengan takzim menyembah tahniah, menjunjung kasih bagi pihak kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Diraja Mohd Najib Tun Haji Abd Razak. Demikian juga, daripada sekalian hamba rakyat negeri Perak, patik rafakkan kesyukuran dan tahniah atas pertabalan Ke Bawah Duli Tuanku, selaku Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Riduan dan jajahan takluknya.

Dalam baris tinta ucapan ini, Patik mohon perkenan Tuanku untuk turut merakamkan sembah tahniah, buat suri Ke Bawah Duli Tuanku, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zara Salim sebagai Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan. Moga Tuanku Permaisuri sentiasa diberkati, bersemayam di sisi Paduka Seri dan membina keluarga jannati, di samping Paduka Seri yang mithali.

Mewakili seluruh hamba rakyat, pada istiadat bersejarah ini, izinkan Patik, untuk turut menzahirkan penghargaan, kepada Almarhum Ayahanda Paduka Seri, Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan kepada Paduka Bonda Yang Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun, yang telah mengasuh, dan memberikan didikan sepenuh kasih-sayang kepada Tuanku, dengan tertib dan akhlak yang mulia.

Kemuliaan itu terpancar pada watak dan pekerti Tuanku, tatkala acapkali Tuanku menyampaikan titah ucapan, apabila menyebut jasa Paduka Ayahanda dan Paduka Bonda, seringnya sebak dan bergenang air mata.

Ampun Tuanku Beribu-beribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun

Dalam majlis yang gilang-gemilang ini, izinkan Patik memetik bait-bait catatan Baha Zain, dalam karangannya "Di Sumur Kenangan", yang termuat di dalam buku *His Royal Highness Nazrin Shah: Reflections And Recollections* yang dilancarkan baru-baru ini. Kata Baha Zain:

Titah dan kata-kata Baginda bagai embun dan gerimis;  
Setitik menjadi lautan,  
Sebutir menjadi daratan,  
Dinaungi mercu kemuliaan, Akal yang bijaksana, dan  
Keadilan yang dikotakan

Demikianlah, rakyat dan negeri ini amat bertuah, dengan tertabalanya Paduka Seri Tuanku sebagai Sultan dan Raja Pemerintah Perak Darul Ridzuan.

Patik sekalian amat kagum dengan kesarjanaan Tuanku dan insaf akan segala haibah diri, menjadi raja ilmuwan, yang sentiasa memperkaya perbendaharaan ilmu, melengkapi khutub-khanah kendiri, serta berdamping dengan ilmuwan dan agamawan. Mohon patik kepada Allah juga, agar hamba rakyat beroleh manfaat atas sifat Tuanku yang bijaksana dan mencintai ilmu.

Tuanku juga turut mengharumkan nama Kesultanan negeri ini, bertitah di serata dunia dengan cetusan minda yang sering memancarkan naluri, bagi mewujudkan sebuah dunia yang

sejahtera, hingga menyerlahkan Tuanku laksana permata, mengerdipkan kearifan dalam kalangan yang arif tentang ehwal dunia. Pengiktirafan terhadap Tuanku di persada buana, telah menjulang nama watan, hingga membolehkan pentadbiran pimpinan Patik, membangunkan negeri yang menjadi tumpuan dagang dan senteri.

Mudah-mudahan, kebijaksanaan dan keilmuan Paduka Seri Tuanku, akan terus utuh di persada dengan diselimuti sifat adil dan saksama, tegas dan terbuka, berbicara melontarkan mutiara, demi kesejahteraan rakyat jelata. Ini selaras dengan ciri-ciri Raja Pemerintah, seperti yang disebut oleh *Hujjatul Islam*, *Imam al-Ghazali* dalam kitabnya *Al-Tibr al-Masbuk fii Nasihat al-Muluk*, iaitu adil, bijaksana, dekat dengan ilmu dan akrab dengan ulama, tidak bermegah, mengambil berat kebaikan rakyat, memenuhi hajat dan bermuafakat.

Seyogia setinggi mana pun melayang dan melebarkan sayap, Paduka Seri Tuanku tidak ujub atas pujian, tidak alpa atas gelaran, tetapi insaf akan nasib insan yang bernaung di bawah payung pemerintahan Tuanku. Keperitan hidup serta kedhaifan rakyat, sentiasa mengetuk pintu kalbu Paduka Seri Tuanku. Sentuhan Ke Bawah Duli Tuanku, sentiasa dirasai dalam kalangan dhuafa, hingga kehidupan yang kelam, Alhamdulillah kembali bersinar benderang.

Bergetarnya jiwa Tuanku akan nasib golongan yang serba kekurangan, mengingatkan patik kepada ungkapan khalifah Bani Umayyah yang termasyhur, iaitu Khalifah Umar Abd Azizi, tatkala berkhutbah menerima jawatan, dengan berkata:

“Aku memikul amanat umat ini dan aku tangisi orang-orang yang menjadi amanat atasku, iaitu kaum fakir miskin, yang lemah dan lapar, ibnu sabil yang kehilangan tujuan dan terlantar, orang-orang yang dizalimi dan dipaksa menerimanya, orang-orang yang banyak anaknya dan berat beban hidupnya. Aku berasa bertanggungjawab atas beban mereka, kerana itu, aku menangisi diriku sendiri kerana beratnya amanat atas diriku”.

Atas belas dan ehsan Tuanku akan nasib rakyat yang serba kekurangan, terilhamnya penubuhan Yayasan Bina Upaya di bawah pentadbiran Patik. Dengan melatakan kudrat, yayasan ini berusaha memenuhi segenap hasrat rakyat. Berkat usaha menabur bakti, pembasmian kemiskinan melalui yayasan ini, telah mendapat mengiktirafan di peringkat antarabangsa, dengan anugerah khas *Global Islamic Finance Awards 2014* di Dubai tempoh hari.

Saran untuk melihat negeri ini terus maju, Patik menjunjung kasih Ke Bawah Duli Tuanku sepanjang detik dan ketika, atas nasihat dan teguran yang diberikan. Alhamdulillah, berkat pedoman yang dibekalkan, kerajaan negeri sejak beberapa tahun yang lalu, berupaya

melaksanakan agenda pembangunan untuk rakyat dan negeri, di bawah Gagasan Perak Amanjaya.

Selain pernah mengecapi pertumbuhan yang tinggi mengatasi unjuran pertumbuhan nasional, Insya-Allah, kadar pertumbuhan Negeri Perak bagi tahun ini juga, akan berkembang seiring dengan pertumbuhan, yang diunjurkan di peringkat nasional.

Mudah-mudahan dengan nasihat serta mutiara pemikiran Tuanku, Patik sebagai Memanda Menteri Besar, Insya-Allah, akan melaksanakan amanah yang diletakkan di jemala Patik, sejurus, setulus dan sedaya mungkin.

Ini adalah iltizam Patik yang menerajui pentadbiran negeri ini dan sebagai memelihara keakraban dalam kerajaan, yang sudah terakam dalam sejarah susur-galur pemerintahan Raja-Raja Melayu. Tuanku sebagai Raja Pemerintah dan Patik pula hamba Memanda, Patik akan memberikan nasihat atas ehwal yang sebenarnya, tanpa tersirat durja atau bermuka-muka, dan memberikan pandangan atas duduk perkara dengan sebaik-baiknya.

Adalah menjadi harapan, jalinan yang teranyam kemas antara Tuanku dan pentadbiran Patik, tidak dicemari bidak-bidak yang menghamparkan kehidupan dalam khayalan, yang boleh menjauhi Tuanku dan kerajaan Tuanku, daripada mendalami sentuhan kisah dan perjalanan hidup rakyat.

Inilah penzahiran harapan Patik, setelah merenung sedalam-dalamnya mutiara-mutiara ungkapan, pemikiran, harapan dan impian yang dititahkan dan dizahirkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku selama ini.

Akhirul kalam, Patik memohon keizinan Ke Bawah Duli Tuanku, untuk mengungkapkan rasa kasih hamba rakyat, terhadap Paduka Seri Tuanku melalui bait-bait Puisi Buat Tuanku.

Tuanku Paduka Seri,  
Menaiki takhta amanah negeri,  
Ikran Berdiri di dustur llahi,  
Waad diberi setia dipateri.

Tuanku Bijak Bistari,  
Darajat ilmuwan takhta sultani,  
Menyuluh panca yang gelap budi,  
Membimbing hamba yang jahili.

Tuanku Raja Pekerti,  
Menata adab menjaga diri,  
Menyulam adat penuh santuni,  
Takhta dinaiki penuh insafi.

Tuanku Lembayung Negeri,  
Semua kisah pantas disempadani,  
Tidak membiar istana dicemuhi,  
Iktibar dan saran menjadi kemudi.

Tuanku Raja Jauhari,  
Tidak mudah termakan puji,  
Meski pahit nasihat diberi,  
Segala musykil khusyu didengari.

Tuanku Raja Bahari,  
Bersemayamlah dinaungi llahi,  
Pemerintah adil rakyat senegeri,  
Hamba setia amat menghormati,  
Pada sultan yang sangat dikasihi.

Kepada Allah dimohonkan rahmat, taufik dan inayah agar Tuanku bersemayam, dengan sentiasa dalam perlindungan Rabbul Jalil hendaknya. Semoga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri serta keluarga dan seluruh kerabat diraja, sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahuwataala, sihat wal'afiat serta dilimpahi rahmat dan nikmat kesejahteraan, keimanan dan keberkatan untuk bertakhta di singgahsana, sebagai Sultan Negeri Perak Darul Ridzuan XXXV.

Patik persembahkan bingkisan waad yang bersimpul abadi, sekalian hamba rakyat menumpahkan taat setia buat Paduka Seri Tuanku, bersandarkan kitabullah dan adat yang bertatahkan syarak. Patik dan sekalian hamba rakyat akan menguatkan daya, bagi menggalas kudrat, mempertahankan tamadun sistem beraja, yang sekian lama menjadi dhamir, yang menggerakkan tatanan hidup berkerajaan Bagi sekalian yang arif, ketahuilah akan kita, raja itu *zhillullah fil ard, khalifah, amirul mukminin* dan *ulil amri*. Manakala rakyat itu pula, hamba yang taat dan setia, berpegang pada perlembagaan dan hukum beraja.

Ya Allah, Ya Malik al-Quddus, Engkaulah Pengusa mutlak bagi seluruh bumi dan petala alam, yang menentukan segala bintang dan buruj beredara mengikut manzilahnnya, Engkaulah yang menaikkan sesebuah pemerintahan dan sebaliknya. Maka saat hari pertabalan yang mulia ini, sekalian hamba-Mu memohon kepada-Mu dengan penuh kesungguhan hati dan jiwa, peliharalah pemerintahan Ke Bawah Duli Tuanku Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, atas jalan *Sirat al-Mustaqim*, insaf akan amanah yang akan dihitung oleh-Mu, jauhi segala mungkarat, dikurniakan jiwa *mutmainnah* dan kalbu yang sentiasa salim, tenang dan cekal menghadapi dugaan, berada di neraca keadilan.

Ampun Tuanku, pada hari yang bersejarah ini, segenap lapisan rakyat jelata, sama serentak - sederap satu suara mengucapkan daulat buat Tuanku Sultan Nazrin Muizzuddin Shah:

Daulat sebagai amanah daulah,  
Daulat atas darajat yang diangkat oleh Allah,  
Daulat atas Sati'ulla wa'ti urrasul wa ulil amriminkum.

Daulat Tuanku... Daulat Tuanku... Daulat Tuanku...

Ampun Tuanku Beribu-beribu Ampun, Sembah Patik Mohon Diampun.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

---

TEKS UCAPAN

**DATUK SERI PANGLIMA MOHD. ANNUAR BIN ZAINI  
AHLI DEWAN NEGARA PERAK**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU  
“HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN NAZRIN SHAH:  
REFLECTIONS AND RECOLLECTIONS”**

**HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR  
2 MEI 2015**

---

Bismillahi Rahmani Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Segala puji milik Allah Subhanahu Wata'ala. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alai Wassalam, kepada ahli keluarga dan para sahabat Baginda, seterusnya kepada para Tabiin dan para ulama. Semoga memperoleh ihsan sehingga hari kebangkitan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan,  
Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan,  
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak,  
Tuanku Zara Salim

Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampuni.

Bagi pihak penerbit, izinkan patik mendapat penghormatan ini menyembahkan ucapan menjunjung kasih atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sharafuddin Idris Shah berangkat mencemar duli untuk menyempurnakan pelancaran buku *His Royal Highness Sultan Nazrin Shah; Reflections and Recollections*. Demikian juga junjungan kasih disembah ucapkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Zara Salim dan Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun yang sama-sama berangkat ke Majlis ini.

Anak teruna jalan berpayung,  
Jalan berlenggang terus ke hulu;  
Tuanku laksana kemuncak gunung,  
Patik dagang menumpang lalu.

Sesungguhnya Tuanku berdua telah menganugerahkan patik penghormatan yang begitu tinggi, diperkenankan patik ditempatkan bersama di pentas ini, lalu mengingatkan patik akan petikan hadis yang terkandung di dalam kitab *Ihya Ullumiddin* tulisan Imam Al-Ghazali, bahawa ilmu pengetahuan itu berupaya meninggikan seorang budak sampai ke peringkat mendampingi raja-raja.

Mohon patik akan perkenan Tuanku mengizinkan patik mengaluu-alukan dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan isteri, Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja dan Toh Puan, Yang Amat Berbahagia - Yang Amat Berbahagia Tun, Yang Berhormat - Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak, Orang Besar Negeri, para penulis dan para tetamu sekalian yang telah meluangkan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis ini. Kehadiran para tetamu bukan sahaja menambah meriahkan Majlis ini tetapi lebih penting daripada itu ia melambangkan manifestasi kesetiaan rakyat memuliakan Institusi Raja di negara ini.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Insya-Allah akan ditabalkan sebagai Sultan Perak XXXV pada 6 Mei nanti. Apakah tanda kenangan yang boleh dipersembahkan untuk memperingati hari bersejarah seorang Sultan yang telah dikurniakan ILAHI dengan pelbagai kelebihan dan keistimewaan. Idea penerbitan ini tercetus dalam semangat yang memahami akan minat mendalam Baginda terhadap dunia persuratan dan penerbitan, terbukti dengan koleksi lebih 30,000 naskhah buku yang terimpun di dalam khutub-khanah peribadi Baginda, koleksi yang terus bertambah dari masa ke masa.

Patik bersyukur ke hadrat ILAHI kerana hasrat untuk mengusahakan penerbitan ini telah diperkenankan oleh Baginda. Bermula dengan sasaran awal untuk mendapatkan dua belas orang penulis yang mengenali Baginda secara peribadi, idea ini telah mendapat sambutan yang sungguh menggembirakan. Sebanyak 30 orang penulis telah menghasilkan 28 eseи (dua daripada eseи dihasilkan secara bersama oleh dua orang penulis bagi setiap satunya), lima eseи dalam bahasa Melayu dan 23 eseи dalam bahasa Inggeris. Sebanyak 22 eseи dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan sementara enam eseи dihasilkan oleh penulis-penulis dari luar negara, (tiga dari Amerika Syarikat, dan tiga lagi setiap satunya dari Australia, Brunei Darulsalam dan United Kingdom), terdiri daripada rakan sekolah, rakan sekerja, akademia, wartawan, sasterawan negara, bankers, aktivis sosial dan aktivis politik.

Kumpulan penyunting telah menetapkan panduan bahawa eseи-eseи yang dihasilkan tidak terlalu sarat dengan puji-pujian yang boleh memualkan (nauseatic) tetapi perlu memiliki komponen kritikal dan unjuran harapan akan peranan yang wajib Baginda penuhi sebagai seorang Sultan dalam menghadapi cabaran dan tuntutan semasa. Penerbitan ini bukan satu biografi, malah himpunan tulisan, bagaikan cermin yang memperlihatkan pelbagai imej seorang insan. Pelbagai dimensi diperlihatkan, menggambarkan identiti Baginda, sebagai *intellectual monarch, relevant monarch, philosopher king, royal leader, and gentleman scholar*. Sejuk perut bonda mengandung, segala-galanya menjurus kepada satu kesepakatan – a common denominator – a common perspective – a common perception bahawa Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ialah seorang cendekiawan istana, seorang pemikir yang terus menyelami lautan ilmu – seorang sarjana yang terus mengembara dunia intelek.

Setelah meneliti eseи-eseи yang dihasilkan, patik memilih untuk memberi fokus kepada satu penemuan utama. Daripada kalangan yang berpeluang mengikuti secara langsung titah Sultan Nazrin Shah, timbul tanda tanya mengapakah apabila menyentuh subjek kemiskinan, Baginda bersuara sebak, tubuh Baginda bergegar, adakalanya titah Baginda terhenti untuk seketika, adakalanya Baginda menitiskan air mata. Mengapakah seorang putera Raja yang diputerakan dan didewasakan dalam latar belakang keluarga diraja yang memiliki kekayaan modal sosial dan kekayaan modal budaya, seorang Putera Raja yang tidak pernah mengalami kemiskinan, jauh sekali daripada hidup miskin; seorang Putera Raja yang hanya mengenali kemiskinan secara teori melalui bacaan dan tontonan, tetapi begitu prihatin terhadap kemiskinan rakyat.

Persoalan tersebut terjawab melalui kandungan eseи tiga Profesor Universiti Harvard yang menyelia disertasi Doktor Falsafah Raja Nazrin Shah. Izinkan patik memetik antara kandungan eseи mereka:

Quote: "His genuine concern for the lower income people of Malaysia (and internationally) was notable and he pursued some research on the topic".

(John W. Thomas)

"What interested me was his very keen intellect and an abiding concern for the welfare of the 'people'. These, as it turned out, were his subjects in Perak. I only learned that later – at the time, his concern for the welfare of rural households was enough for me to commit my time and energy. Not many students show up at Harvard with that concern".

(Peter Timer).

Demikian antara pemerhatian para Profesor akan keprihatinan seorang pelajar pasca siswazah yang dalam kalangan kakitangan Universiti Harvard ada-kalanya dirujuk sebagai Roger Nazrin. Pada hemat patik dengan roh kemanusiaan yang begitu hidup dan keprihatinan mendalam terhadap kemiskinan yang mengalir dalam jiwa Baginda, amatlah bertepatan pemilihan Setiausaha Agung Ban Kee Moon mengutus warkah bertarikh 30 Mac 2015 menjemput Baginda untuk berperanan sebagai Pengerusi Bersama kepada panel Tabung Kewangan Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Semoga peranan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah akan melimpahkan rahmat kepada warga dunia. Semoga dengan keprihatinan Baginda, mereka yang ditangga dapat ke pelantar, yang duduk di lantai akan duduk bertikar, yang berada di serambi akan dapat ke tengah rumah.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik dalam Majlis ini merakamkan penghargaan kepada semua penulis. What began as an idea of a publication to celebrate the enthronement of Sultan Nazrin Muizzuddin Shah became for me, as editor, a journey with a gathering of writers from diverse backgrounds to bring forth this idea to fruition. The challenge to contact a diverse group of writers who are as diversely scattered geographically was nothing short of daunting. However, their responses to the invitation to share their thoughts on His Royal Highness were nothing short of ecstatic. I am deeply touched. Many have spent hours delving into their memories, drafting and redrafting their contributions in order that their gift of words befits the person of His Royal Highness. To all writers, I wish to express my heartfelt thanks for their invaluable gift in the form of their personal contribution.

Patik terhutang budi kepada pasukan penyunting Dr. Evelyn Khor dan Deeya Menon, penasihat penerbitan Adam Wong dan Rosihan Juara Baharuddin, pembantu-pembantu Adelyn Chan Whye Leng, Faezah Yasin dan Zaliany Zahari serta RNS Publications yang telah sama-sama mengambil

tanggungjawab dan memberikan komitmen untuk menghasilkan penerbitan ini. Utama sekali Patik merafakkan sembah junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Muizzuddin Shah atas sokongan dan kepercayaan serta bimbingan dan nasihat Baginda membolehkan idea ini direalisasikan.

Ucapan terima kasih ini tidak lengkap tanpa merakamkan penghargaan kepada pelbagai pihak yang membantu menjayakan Majlis Pelancaran pada pagi ini, terutamanya Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak khususnya Dato Pengelola Bijaya Diraja, Yang Dihormati Toh Paduka Raja Dato' Abd Rahim bin Mohamad Nor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak khususnya Superintenden Abu Bakar bin Romlee, Hazel Design khususnya Encik Jun Idris, pengurusan Hotel Concorde, Kuala Lumpur serta wakil-wakil media.

Setiap kejayaan dibina daripada sejarah usaha yang panjang. Dalam hayat ini patik bersyukur ke hadrat ILAHI kerana berpeluang mendapat asuhan dan didikan dalam kerja-kerja penulisan dan penyuntingan daripada banyak pihak yang wajib patik rakamkan penghargaan dalam majlis ini, antara mereka Yang Amat Berbahagia Tun Musa Hitam yang banyak membimbang ketika patik masih berusia setahun jagung, ditempatkan berkhidmat sebagai Setiausaha beliau selama hampir lima tahun, Dato Dr. Firdaus Abdullah, Tan Sri Dr. Noordin Sopiee (Allahyarham) dan Tan Sri Melan Abdullah (Allahyarham) yang menjinakkan patik dan menjadi mentor membimbang patik dalam kerja-kerja penulisan dan penyuntingan.

Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga,  
Hancur badan di kandung tanah,  
Budi baik dikenang juga.

Tan Sri Noordin Sopiee dan Tan Sri Melan Abdullah telah meninggal dunia. Semoga ilmu yang telah mereka turunkan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal makruf, semoga roh mereka dicucuri rahmat. Al-fatihah.

Ampun Tuanku, sekianlah ungkap dan kata yang dapat patik ucapkan. Dimohonkan keampunan jika huraihan kurang arif, susun kata kurang bijak, bahasa kurang sempurna. Jika ada sepeatah kalam yang boleh diterima, Tuanku jugalah pendetanya.

Wabillahi taufik walhidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,  
Ampun Tuanku,

Patik mohon perkenan Tuanku untuk menzahirkan titah dan menyempurnakan pelancaran buku  
*"His Royal Highness Sultan Nazrin Shah; Reflections and Recollections"*.

---

---

## TITAH

**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR  
SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ  
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU  
“HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN NAZRIN SHAH  
REFLECTIONS AND RECOLLECTIONS”**

**HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR  
2 MEI 2015**

---

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam sejahtera.

Bismillahi Rahmani Rahim

Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Riduan,  
Paduka Adinda Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Riduan,  
Paduka Adinda Tuanku Zara Salim.

Yang Maha Mulia Paduka Bonda Raja Permaisuri Tuanku Bainun.

Paduka Kakanda bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat daripada-Nya juga, Paduka Kakanda dapat berangkat untuk menyempurnakan pelancaran Buku *His Royal Highness Sultan Nazrin Shah: Reflections And Recollection* pada pagi ini. Paduka Kekanda dimaklumkan bahawa penerbitan ini mengandungi artikel-artikel yang dihasilkan oleh penulis-penulis dari dalam dan luar negara yang mengenali Paduka Adinda daripada kalangan kenalan peribadi, ahli akademik, para wartawan, penggiat sosial dan

mereka yang pernah berurusan dan berhubung dengan Paduka Adinda. Penerbitan ini dihasilkan khusus sebagai satu persembahan kenangan daripada para penulis sempena pertabalan Paduka Adinda sebagai Sultan Perak ke-35.

Istana dan Raja Melayu di rantau ini mempunyai ikatan sejarah yang istimewa dengan dunia persuratan dan penulisan. Dalam tradisi penulisan pada era keagungan kerajaan di Kepulauan Melayu, para pujangga berdamping rapat dengan raja. Pada umumnya, istana menjadi fokus pengarang yang mengisahkan *Hikayat Pemerintahan Raja-raja* dan biasanya dihasilkan atas titah raja.

Tercatat dalam sejarah bahawa pada zaman Kesultanan Riau-Lingga pada abad ke-19, istana berperanan sebagai pusat peradaban dan kesusastraan Melayu. Tahun 1850-an membawa ke tahun 1860-an merupakan puncak kegiatan persuratan dengan kelahiran *Tuhfat al Nafis*, karangan Raja Ali Haji pada tahun 1857. *Tuhfat al Nafis* ialah sebuah karya besar sejarah Melayu yang paling kompleks dan canggih antara semua karya Melayu yang dikarang sebelum abad ke-20. Karangan tersebut merakamkan semua peristiwa dari abad ke-17 hingga pertengahan abad ke-19, turut memaparkan latar belakang peristiwa mulai zaman Srivijaya dan Melaka, merangkumi semua kerajaan Melayu di Semenanjung Melayu dan di Kepulauan Riau-Lingga, termasuk Singapura, Siak, Kalimantan Barat, Sulawesi Selatan dan beberapa peristiwa di Betawi.

Karya-karya seperti *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Misa Melayu*, *Tuhfat Al-Nafis* dan *Sulalat Al-Salatin* adalah antara karya agung yang dihasilkan oleh para pengarang untuk memberikan gambaran asal usul, kedaulatan sesebuah kerajaan, adab, istiadat dan tertib istana; begitu juga urusan pemerintahan raja-raja merangkumi hubungan antarabangsa yang berlandaskan agama Islam dan adat Melayu. Selain itu, terdapat banyak lagi karya lain yang dihasilkan oleh para bangsawan dan kerabat Diraja yang memperlihatkan sifat meminati ilmu secara mendalam serta memberi pengiktirafan kepada pujangga dan dunia persuratan. Diceritakan dalam *Tuhfat al Nafis*, begitu juga dalam *Bustan al-Katibin* bahawa masjid yang dibina di Pulau Penyengat oleh Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi, Yang Dipertuan Muda Riau kesepuluh yang bersemayam pada tahun 1858 hingga 1899, berfungsi sebagai khutub-khanah dan menyimpan sebanyak lima ratus empat puluh (540) buah kitab termasuk yang diperoleh - dari India, Timur Tengah dan Betawi.

Di Pulau Penyengat Riau juga, asal usul pemerintahan keturunan kesultanan Negeri Selangor dan di sitolah juga terdapat makam-makam Almarhum Kerabat Diraja Selangor yang terdahulu termasuk Raja Haji Fi Sabilillah, iaitu Adinda kepada Raja Lumu, Sultan Selangor yang pertama.

Penulisan dan persuratan adalah sebahagian daripada tradisi istana. Istana ialah tempat bahasa yang halus dituturkan dan serta diolah dengan tulisan-tulisan yang indah. Istana juga merupakan taman yang menyemaikan benih kehalusan dan keindahan budaya dirakamkan dalam bentuk tulisan oleh para pujangga yang kemudian lahirnya tokoh-tokoh penulisan yang dirujuk sebagai "raja-pengarang". Raja Ali bin Raja Jaafar, Raja Haji Abdullah Marhum Mursyid, Raja Safiah binti Raja Ali Haji dan Raja Haji Daud ialah tokoh yang sezaman dengan Raja Ali Haji yang banyak menghasilkan syair dan hikayat termasuklah Gurindam 12 yang termasyhur. Selain itu, bahan penulisan juga menjadi perantaraan bagi rakyat menyampaikan rasa kasih, menyatakan kesetiaan dan menyuarakan penghargaan kepada seorang sultan.

Penerbitan buku *His Royal Highness Sultan Nazrin Shah; Reflections and Recollections* oleh RNS Publications bersempena dengan acara bersejarah pertabalan Paduka Adinda sebagai Sultan Perak ke-35, ialah usaha untuk menghidupkan semula tradisi hubungan istana dan kesultanan Melayu dengan dunia penulisan dan persuratan. Melalui penerbitan ini, para penulis berpeluang merakamkan catatan kasih, semangat kesetiaan dan sembah penghargaan kepada seorang Sultan. Hal ini juga sangat bertepatan dengan watak dan keperibadian intelek Paduka Adinda, seorang putera raja dan hari ini telah dimasyhurkan sebagai Sultan yang amat meminati buku dan dunia persuratan. Paduka Kakanda juga amat mengenali Paduka Adinda sejak kecil lagi dan kita mempunyai talian persaudaraan. Paduka Kakanda akui, dalam kalangan yang mengenali Paduka Adinda secara dekat, mereka amat memahami akan hubungan kasih dan kecintaan Padukan Adinda terhadap buku, sebahagian mereka telah turut berpeluang menyaksikan koleksi buku Paduka Adinda yang khusus ditempatkan di dalam sebuah perpustakaan peribadi.

Paduka Kakanda difahamkan, penglibatan dalam bidang penulisan merupakan sebahagian daripada identiti kerabat Diraja Perak. Pada abad ke-18, Raja Chulan telah menghasilkan *HIKAYAT MISA MELAYU* yang diiktiraf sebagai salah satu karya agung. Paduka Seri Sultan Iskandar Shah pada era pemerintahan Baginda antara tahun 1918 ke tahun 1938 telah menghasilkan penerbitan bertajuk *Risalah Iskandar Shah: Beberapa Pengajaran, Ingatan dan Nasihat serta Bicara Tauhid, Fikah dan Tasawuf*. Di Universiti Melbourne dan di British Museum, terdapat naskhah lama tulisan Jawi berjudul *Riwayat Pertabalan*, susunan Raja Lope Ahmad bin Raja Mohd Ali ditulis bersama Raja Harun Alrashid diterbitkan pada tahun 1940, menceritakan secara lengkap istiadat pertabalan Sultan Perak ke-31. Semasa pemerintahan Paduka Ayahanda Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Baginda telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada Paduka Adinda termasuk pelbagai penerbitan yang telah dihasilkan terutama bahan-bahan berkaitan undang-undang.

Paduka Kakanda kagum akan pemerintahan Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Azlan Shah sebagai seorang Raja yang begitu serius melaksanakan peranan Baginda sebagai seorang Sultan

dan sebagai Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga di mahkamah, semasa Paduka Ayahanda memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Negara. Paduka Ayahanda telah memerintah negeri dan negara dengan penuh kebijaksanaan, adil dan saksama. Ketiadaan Almarhum akan sentiasa diingati dalam kenangan.

Perkenan Paduka Adinda memberi restu kepada usaha penerbitan ini pendirian yang bukan sahaja menghidupkan tradisi, malah amat bertepatan dengan identiti keilmuan yang Paduka Adinda miliki. Paduka Kakanda difahamkan, Paduka Adinda juga membuat salinan naskhah bahan-bahan penulisan lama berkaitan sejarah, pemerintahan negeri Perak yang kini tersimpan di arkib dan perpustakaan di luar negara untuk ditempatkan di arkib negeri bagi tujuan rujukan. Paduka Adinda juga sedang aktif mengusahakan penerbitan semula bahan-bahan yang pernah dihasilkan oleh Raja dan pujangga terdahulu. Usaha Paduka Adinda itu tentunya akan dapat memberi manfaat besar kepada generasi hari ini dan generasi akan datang. Ketika rakyat pada hari ini terutama generasi muda yang kelihatan semakin tenggelam dan semakin kabur dengan sejarah bangsanya, usaha sedemikian akan dapat menyedarkan kembali rakyat hari ini tentang sejarah bangsa dan negara.

Paduka Kakanda mendoakan semoga usaha Paduka Adinda akan terus diberi petunjuk oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dilimpahkan manfaat khususnya kepada rakyat yang berada di bawah naungan pemerintahan Paduka Adinda serta rakyat di negara ini dan penduduk di serata dunia.

Paduka Kakanda mengucapkan tahniah kepada RNS Publications, penyunting buku dan kesemua penulis buku ini. Dalam majlis ini juga, Paduka Kakanda ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Adinda Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang akan ditabalkan sebagai Sultan Perak ke-35 pada 6 Mei nanti, Insya-Allah, demikian juga kepada Paduka Adinda Tuanku Zara Salim yang akan ditabalkan sebagai Raja Permaisuri negeri Perak Darul Ridzuan.

Paduka Kakanda mengakhiri ucapan ini dengan mendoakan supaya Seri Paduka Adinda berdua sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sihat sejahtera dan kekal memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dengan adil dan saksama serta sentiasa dikasihi oleh rakyat.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

---

**TITAH**

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**MAJLIS PELANCARAN BUKU  
“HIS ROYAL HIGHNESS SULTAN NAZRIN SHAH  
REFLECTIONS AND RECOLLECTIONS”**

**HOTEL CONCORDE, KUALA LUMPUR  
2 MEI 2015**

---

Bismillahi Rahmani Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam sejahtera.

Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

Yang Maha Mulia Paduka Bonda Raja Permaisuri Tuanku Bainun

Paduka Adinda menjunjung kasih atas perkenan Paduka Kakanda Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sudi berangkat untuk menyempurnakan pelancaran penerbitan *His Royal Highness Sultan Nazrin Shah, Reflections and Recollections*. Sesungguhnya keberangkatan Paduka Kakanda telah mengangkat darjat kemuliaan majlis ini. Kata-kata yang dizahirkan dalam titah Paduka Kakanda merupakan pengiktirafan yang begitu tinggi ke atas batang tubuh Paduka Adinda, seorang hamba yang amat kerdil di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Paduka Adinda amat insaf bahawa Paduka Adinda sedang menempuh satu perjalanan yang panjang untuk merentasi laluan yang penuh dugaan - penuh cabaran, sedangkan Paduka Adinda adalah seorang hamba Allah yang serba kekurangan. Dengan ilmu panjang sezengkal dan pengajian yang belum khatam, Paduka Adinda masih memerlukan didikan serta asuhan. Oleh itu, Paduka

Adinda mohon mendapat nasihat bimbingan daripada Paduka Kakanda secara berterusan, memandu Paduka Adinda agar langkah tidak tersalah – agar arah tidak tersasar untuk membolehkan Paduka Adinda selamat sampai ke destinasi yang dituju.

Kepada Paduka Bonda Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Tuanku Bainun,

Paduka Anakanda amat berbesar hati atas kesudian Paduka Bonda berangkat ke Majlis ini. Kehadiran Paduka Bonda amat bermakna kepada Paduka Anakanda dan sebesar-besar hadiah kurniaan Ilahi kepada Paduka Anakanda. Setiap masa dan sepanjang hayat, Paduka Bonda adalah sumber kekuatan dalaman, sejak Paduka Anakanda masih seorang bayi yang berada di pangkuan, melangkah ke usia persekolahan, sehingga tamat pengajian di universiti, menceburi alam pekerjaan, dan hari ini dengan penentuan Ilahi, Paduka Anakanda telah dimasyurkan sebagai seorang Sultan. Segala kejayaan Paduka Anakanda adalah hasil daripada asuhan, bimbingan, didikan dan doa restu Paduka Bonda. Tidak ada kata-kata yang dapat Paduka Anakanda himpukkan untuk mencatatkan budi, jasa dan pengorbanan Paduka Bonda. Dalam memenuhi amanah besar sebagai Amirulmukminin, Paduka Anakanda masih dan bertambah memerlukan nasihat dan doa restu berterusan daripada Paduka Bonda.

Yang Maha Mulia Paduka Kakanda Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj.

Dalam majlis ini, izinkan Paduka Adinda menzahirkan ucapan terima kasih kepada para hadirin yang telah meluang masa untuk hadir bersama meraikan pelancaran penerbitan yang khusus didedikasikan sebagai satu memori sempena Istiadat pertabalan Paduka Adinda. Setiap hadirin mempunyai hubungan langsung dan hubungan peribadi dalam hidup Paduka Adinda, terdiri daripada kaum keluarga, rakan sekolah, rakan universiti dan rakan di tempat bekerja, orang besar serta pemimpin organisasi, pemimpin negeri dan pemimpin negara. Kebanyakan mereka telah Paduka Adinda kenali begitu lama. Pada hari ini, setiap mereka yang hadir telah memberikan peluang yang membolehkan Paduka Adinda bertemu semula dengan mereka, mengimbas peristiwa lama yang telah Paduka Adinda alami bersama mereka; dalam kalangan mereka Paduka Adinda berasa amat dimuliakan dengan kehadiran Tun Musa Hitam, Tun Zaki Azmi, Dato Seri Diraja Tan Sri Mohamad Tajol Rosli, Puan Sri Maimun Jahidin, Dato' R Yogeswaran, Dato' Dr. Sharifuddin Abdul Wahab, Dato' Dr. Shanmugalingam, Dato' Dr. Dato Timothy Ong (dari Brunei Darussalam), Dr. Farhan Nizami dari Oxford dan ramai lagi yang jika mahu disebut satu persatu akan mengambil masa yang terlalu panjang.

Penerbitan ini memiliki keistimewaan - mempamerkan keunikan - menampilkan identiti tersendiri. Paduka Adinda berterima kasih dengan kata-kata puji yang diungkapkan oleh para penulis.

Kata-kata pujian tersebut membisikkan peringatan kepada diri Paduka Adinda akan pesanan orang-orang tua, “mati semut kerana gula”. Barang dijauhkan Allah hamba-Mu ini daripada terjerumus bersifat riak, jadikanlah hamba-Mu ini mengikut resmi padi, semakin berisi – semakin tunduk. Sesungguhnya segala yang baik datangnya daripada Allah Subhanahu Wata’ala, dan kesempurnaan itu hanyalah sifat mutlak milik llahi.

Esei-esei yang dihasilkan turut mengandungi analisis berkaitan relevansi institusi Raja dalam era modenisasi, pada era tahap literasi rakyat sudah semakin tinggi dan sumber pengetahuan sudah bertambah luas, dalam persekitaran demokrasi yang menuntut kepada amalan ketelusan dan keterbukaan, menegaskan pentingnya sifat integriti yang tidak memberikan sebarang imuniti kepada perbuatan salah laku, salah guna kuasa dan korupsi oleh sesiapa sekalipun. Secara halus dan terhormat para penulis dalam tulisan masing-masing, seiring dengan kata-kata pengiktirafan mereka, mengharapkan Paduka Adinda dapat memenuhi peranan untuk menyuntik nafas dinamik kepada institusi Raja agar institusi ini diterima sebagai institusi yang kekal relevan lagi berfungsi dalam era modenisasi yang berteraskan amalan demokrasi.

Ulasan, pandangan, unjuran dan saranan yang terkandung dalam esei-esei yang dihimpunkan di dalam penerbitan ini, akan Paduka Adinda jadikan cermin untuk melihat 17 ketidak sempurnaan yang masih ada, baik atas diri peribadi, begitu juga kepada institusi agar langkah pembetulan dan tindakan penambahbaikan dapat dirintis. Harapan yang disuarakan amat tinggi - amanah yang diletakkan amat berat. Ia tidak mungkin dapat Paduka Adinda penuhi secara bersendirian. Paduka Adinda percaya dengan perkenan dan peranan bersama Paduka Kakanda yang jauh lebih berpengalaman dan tinggi hikmahnya, pelbagai harapan dan hasrat yang dirintis itu boleh diusahakan secara kolektif bersama Yang Maha Mulia Raja-raja di negara ini.

Paduka Adinda menzahirkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada tiga puluh orang penulis yang telah memberikan sumbangan masing-masing, begitu juga kepada barisan penyunting, penerbit dan pencetak dan setiap pihak yang telah secara berpasukan dan bersama menghasilkan penerbitan ini. Paduka Adinda amat menghargai segala pemikiran, usaha, tenaga dan masa yang telah diberikan oleh Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini untuk menghasilkan penerbitan ini. Segala jasa dan usaha beliau akan kekal abadi dalam memori, sepanjang hayat Paduka Adinda.

Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti;  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.

Pada saat dan ketika dikurniakan oleh Ilahi dengan kemuliaan dan kejayaan, Paduka Adinda tidak dapat melupakan peranan dan jasa mereka yang telah membimbing Paduka Adinda hingga mencapai kejayaan ini; para guru di sekolah dan para mahaguru di universiti, para ulama dan orang-orang tua, rakan-rakan sekolah, rakan-rakan universiti dan rakan-rakan di tempat bekerja, para orang besar dan pegawai negeri, dan paling utama keluarga Paduka Adinda, terutama Paduka Adinda Raja Permaisuri, Paduka Bonda dan Almarhum Paduka Ayahanda. Sebagai menghargai jasa dan budi mereka yang telah tiada lagi bersama kita, terutama ketiadaan Paduka Ayahanda yang amat dirasai, Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Paduka Adinda memohon dengan segala keikhlasan untuk sama-sama dibacakan surah Al-Fatiyah agar apa juga ganjaran yang dikurniakan oleh ILAHI daripada bacaan tersebut disampaikan kepada roh Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, serta roh-roh Sultan terdahulu, para keluarga dan para guru yang telah kembali ke Rahmatullah.

Al-Fatiyah.

Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

---

TITAH

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**ISTIADAT MENUTUP KERJA  
PERTABALAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV**

**ISTANA ISKANDARIAH, KUALA KANGSAR, PERAK  
17 MEI 2015**

---

Bismillahi Rahmani Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

Ya Bashiir! Ya Sami'il! Ya Syahiid! Ya Mujiib! Engkau jua Yang Maha Melihat, Yang Maha Mendengar, Yang Maha Menyaksikan, Yang Maha Mengabulkan akan perjalanan hamba-Mu ini sepanjang Istiadat Pertabalan Paduka Seri Sultan Perak XXXV; bermula daripada istiadat meletak kerja pada 14 Rejab 1436 (3 Mei 2015) sehingga istiadat menutup kerja pada hari ini, 28 Rejab 1436 (17 Mei 2015).

Dalam tempoh Istiadat Pertabalan ini, hamba-Mu berpeluang menziarahi makam-makam, bermula dengan Makam Tok Temong pada pagi Jumaat 19 Rejab (8 Mei) dan berakhir dengan Makam Marhum Durian Sebatang, Almarhum Sultan Abdullah Muhammad Shah 1, Sultan Perak kedua puluh dua pada 24 Rejab (13 Mei). Dengan izin daripada Mu jua Ya Allah, hamba-Mu ini telah berpeluang menziarahi 44 makam kesemuanya; di samping makam Sultan terdahulu, hamba-Mu turut menziarahi makam-makam Raja Muda, Raja Di-Hilir, Raja Bendahara, Raja Bergelar dan pembesar tertentu yang tercatat dalam sejarah mempunyai peranan penting dengan institusi Kesultanan Perak; dan selepas menjejakkan kaki di Beting Beras Basah pada pagi 25 Rejab (14 Mei), dalam perjalanan ke Istana Iskandariah, hamba-Mu turut menziarahi makam Paduka Nenda Toh Puan Khatijah dan makam Paduka Ayahanda Raja Baharom Shah di Batu Gajah.

Diriwayatkan oleh Al-Tirmidhi akan sabda Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam,

“Ziarahlah kubur, kerana sesungguhnya ia mengingati akhirat ”.

Di dalam *Kitab Ihya Ulumuddin*, Imam al-Ghazali mengingatkan bahawa menziarahi kubur digalakkan untuk mengingati mati dan mengambil iktibar; malah menziarahi kubur orang yang soleh lebih lagi digalakkan untuk mendapat iktibar dan tabarak.

Menziarahi makam adalah sebahagian daripada istiadat yang telah diamalkan turun-temurun oleh Sultan yang baru ditabalkan. Tiga puluh empat Sultan telah memerintah Kerajaan Perak sebelum ini. Jasad dua puluh sembilan Sultan telah disemadikan di negeri Perak. Makam-makam Sultan Perak keenam, ketujuh dan kesembilan terletak di Sumatera, sementara makam Sultan Perak kedua puluh lima terletak di Skudai Johor. Sultan Perak kedua, Sultan Mansur Shah dilaporkan hilang ketika menunaikan solat Jumaat di Masjid Kota Lama Kanan kerana itu tidak mempunyai makam; tetapi dengan titah Sultan Idris Murshidul Adzam Shah batu peringatan telah diletakkan di dalam masjid tersebut.

Pengalaman menziarahi makam-makam telah menginsafkan hamba-Mu ini kepada tiga perkara:

Pertama: darjat dan jawatan di dunia adalah sementara sifatnya, setiap insan akan dikembalikan kepada asal usul kejadiannya oleh ALLAH yang Maha Pencipta, daripada tanah kita dicipta kepada tanah kita kembali.

Kedua: setiap seorang Sultan terdahulu telah berjasa dan masing-masing mencipta sejarah pemerintahan. Oleh itu, Sultan yang terkemudian tidak wajar bersifat membesar diri, membelaangi mereka, tetapi wajib mengambil pengajaran dari pengalaman Sultan terdahulu untuk dijadikan pedoman; selaras dengan contoh teladan mulia yang diperlihatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam yang bersedia menerima pandangan nasihat Rasul-Rasul terdahulu semasa peristiwa Israk Mikraj, agar Baginda menghadap berulang kali Allah Subhanahu Wata'ala memohon pertimbangan dan ihsan ALLAH Subhanahu Wata'ala untuk mengurangkan perintah mengerjakan solat wajib daripada lima puluh waktu kepada lima waktu sehari semalam.

Ketiga: pengalaman menjejak kaki di Beting Beras Basah dan pengalaman menziarahi makam-makam membawa minda hamba-Mu mengimbas peristiwa silam, betapa susah payah Sultan-sultan terdahulu dengan kemudahan yang sangat terbatas, mengasaskan sebuah negeri dan sebuah pemerintahan. Kejayaan Marhum-marhum itu membangunkan sebuah negeri berdaulat, negeri beraja-rakyat bersultan yang warganya terdiri daripada segala lapisan rakyat yang begitu pelbagai tetapi hidup bersatu di bawah payung naungan pemerintahan seorang Sultan. Jasa

bakti Marhum-marhum itu tidak harus dimusnahkan. Pada hari ini adalah menjadi tanggungjawab besar hamba-Mu ini untuk memberikan payung naungan pemerintahan yang dapat menyatukan rakyat yang berbilang agama, berbilang kaum, berbilang budaya daripada pelbagai latar belakang sosial, ekonomi, politik dan usia agar terus kekal bersatu, hidup dalam harmoni dan saling bekerjasama memakmurkan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Ya Fattaah! Ya Aliim! Ya Baasith!, Ya Muqit! dengan sifat-sifat kebesaran Mu yang Maha Pembuka, Maha Mengetahui, Maha Meluaskan, Maha Mencukupkan, hamba-Mu ini bersyukur atas pengajaran yang Hamba-Mu peroleh daripada pengalaman melawat makam dan menjelaskan kaki di Beting Beras Basah.

Hari ini selesailah segala acara istiadat pertabalan. Beta menzahirkan penghargaan kepada Paduka Ayahanda Raja Muda dan Paduka bonda Raja Puan Besar serta kepada Paduka kakanda Raja Di-Hilir dan Raja Puan Muda yang telah bersama-sama mempermerkan semangat bersama untuk memulihara kedaulatan takhta Kerajaan Perak Darul Ridzuan; penghargaan turut dizahirkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kepada Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah memberikan pimpinan berkesan kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Orang Besar Negeri dan kakitangan kerajaan menguruskan pelbagai acara. Kepada setiap ahli jawatankuasa dan kepada setiap pihak yang terlibat, Beta menzahirkan ucapan terima kasih. Ahli-ahli Jawatankuasa dan setiap pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen memenuhi tanggungjawab dengan penuh dedikasi. Hal ini membuktikan jalinan kerjasama yang tinggi antara pelbagai jabatan, agensi dan individu dalam semangat berat sama dipikul untuk mencapai satu matlamat yang sama, menghasilkan yang terbaik. Semangat kerjasama dan kesatuan matlamat ini hendaklah terus dipupuk dan dihidupkan sepanjang masa. Semangat kerjasama dan kesatuan matlamat ini hendaklah diterapkan sebagai budaya kerja untuk memajukan Negeri Perak Darul Ridzuan. Sebarang kekurangan – sebarang kecacatan adalah sebahagian daripada sifat semula jadi kelemahan insan untuk membuktikan bahawa hanya ALLAH Subhanahu Wata'ala yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan.

Beta dan Raja Permaisuri amat menghargai kehadiran rakyat jelata yang telah keluar beramai-ramai, bersedia menahan panas matahari – bersedia dibasahi hujan menyambut keberangkatan Beta di sepanjang perjalanan darat dan sungai, di setiap tempat Beta berdua berziarah dan di setiap majlis yang diadakan; ada antara mereka mendukung bayi kecil dan ada dalam kalangan mereka terdiri daripada warga tua yang sudah uzur. Kehadiran rakyat jelata adalah hadiah amat berharga kepada Beta dan Raja Permaisuri. Kepada Allah Subhanahu Wata'ala hamba-Mu mohonkan rahmat pertolongan untuk membolehkan kasih sayang rakyat itu dibalas dengan limpahan rezeki daripada Mu kepada mereka dan negeri ini dianugerahi

kemakmuran serta Sultannya senantiasa mendapat keberkatan dan petunjuk daripada Mu jua Ya Allah.

Beta dengan ini mengisyiharkan bahawa dengan izin ALLAH Subhanahu Wata'ala, segala kerja-kerja berkaitan Pertabalan Sultan Perak XXXV telah selamat disempurnakan.

Wabillahi taufik walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

---

**TITAH**

**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI  
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**MAJLIS PENGHARGAAN  
KEPADА AHLI-AHLI JAWATANKUASA DAN PARA PETUGAS  
ISTIADAT PERTABALAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV**

**CASUARINA @ MERU, IPOH  
16 JUN 2015**

---

Bismillahi Rahmani Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

Tugas merancang dan kerja-kerja persiapan Istiadat Pertabalan Sultan Perak XXXV bermula sebaik sahaja Jawatankuasa Induk Istiadat Pertabalan ditubuhkan dalam Mesyuarat Dewan Negara Perak ke-159 pada 20 Jun 2014. Tarikh Tabal Adat, telah Beta perkenan untuk dilangsungkan pada 17 Rejab 1436 bersamaan 6 Mei 2015, susulan sembah nasihat yang Beta terima akan tarikh terbaik berpandukan perkiraan ahli-ahli falak. Istiadat Pertabalan telah dimulai dengan istiadat meletak kerja pada 14 Rejab 1436 (3 Mei 2015) dan berakhir dengan istiadat menutup kerja pada 28 Rejab 1436 (17 Mei 2015).

Dengan izin dan rahmat ILAHI, segala-galanya berjalan secara tersusun lagi teratur. Beta dan Raja Permaisuri menzahirkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh jentera Kerajaan yang telah mengusahakan yang terbaik untuk menjayakan pelbagai acara sepanjang berlangsungnya istiadat pertabalan. Beta menzahirkan ucapan terima kasih secara khusus kepada Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja dan

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi bersama Jawatankuasa Induk Pertabalan yang telah memberikan pimpinan berkesan kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Orang Besar Negeri dan kakitangan kerajaan, menyelaraskan dan menguruskan pelbagai acara. Ahli-ahli Jawatankuasa dan setiap pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen memenuhi tanggungjawab dengan penuh dedikasi. Kepada setiap ahli jawatankuasa dan kepada setiap pihak yang terlibat, Beta menzahirkan ucapan terima kasih.

Beta amat menghargai peranan pelbagai agensi dan petugas media yang telah memberikan liputan meluas kepada seluruh acara. Media telah melaksanakan peranan amat penting menguar-uarkan acara-acara yang dianjurkan dalam semangat untuk mendidik dan meningkatkan kefahaman dan apresiasi masyarakat umum terhadap peranan dan relevansi institusi Raja dalam sistem berkerajaan dan bernegara yang berlandaskan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Penyertaan golongan pelajar dan belia secara aktif dengan acara-acara berbentuk intelek, keilmuan serta membina elemen-elemen kenegaraan berpegang pada prinsip Rukun Negara; "Kesetiaan Kepada Raja dan Negara", amatlah menggalakkan dan sewajarnya terus dihidupkan dan berkesinambungan. Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Bomba, Jabatan Pertahanan Awam, RELA dan pelbagai badan beruniform telah bertugas dengan berkesan membolehkan acara berjalan secara tertib, teratur dan terkawal. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Jabatan Agama Islam, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Kesihatan, Pejabat dan Majlis Daerah, dan pelbagai jabatan dan agensi lain telah sama-sama memenuhi peranan masing-masing. Demikian juga peranan pelbagai pihak swasta yang telah tampil memberikan pelbagai tajaan termasuk membiayai dan menaja pembinaan "billboard", iklan ucapan tahniah, pakaian dan peralatan, memasang sepanduk serta mengibarkan bendera. Begitu pula peranan rakyat jelata yang hadir menyambut keberangkatan Beta dan Raja Permaisuri.

Jalinan kerjasama yang tinggi antara pelbagai jabatan, agensi, pihak swasta dan individu dalam semangat berat sama dipikul untuk mencapai satu matlamat yang sama telah berjaya menghasilkan yang terbaik. Semangat kerjasama dan kesatuan matlamat ini hendaklah terus dipupuk dan dihidupkan sepanjang masa. Semangat kerjasama dan kesatuan matlamat ini hendaklah diterapkan sebagai budaya kerja untuk memajukan Negeri Perak Darul Ridzuan. Sebarang kekurangan – sebarang kecacatan adalah sebahagian daripada sifat semula jadi kelemahan insan untuk membuktikan bahawa hanya ALLAH Subhanahu Wata'ala yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan.

Majlis pada petang ini diadakan atas hasrat Beta untuk menzahirkan secara langsung ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat. Beta sedar bahawa ramai lagi yang tidak berpeluang dijemput atau tidak berpeluang hadir di majlis ini, tetapi turut

berperanan menjayakan acara-acara sempena istiadat pertabalan Beta. Mereka adalah “petugas tidak bernama”, membina “billboard”, merentang sepaduk, menggantung bendera, memasang lampu, mengecat jalan dan bangunan, mendirikan khemah, menanam pokok – memotong rumput, menambat bot – membersihkan kubur, menyusun kerusi - meja, menghidangkan makanan dan minuman dan pelbagai tugas lagi. Mereka “petugas tidak bernama”; ‘petugas tidak bernama’ ini, meskipun berada di belakang tabir, telah melaksanakan tanggungjawab asas dan tugas penting secara berkesan lagi sempurna, lalu memberikan segala keselesaan bukan sahaja kepada Beta tetapi kepada para tetamu yang hadir di setiap acara. Merekalah petugas-petugas yang telah melakukan kerja-kerja berat tanpa minta dipuji; mereka bermandi keringat, dibakar pancaran terik matahari, dibasahi hujan, didingini titisan embun malam. Merekalah petugas-petugas yang penuh ikhlas – penuh dedikasi, ‘petugas tidak bernama’ ini, meskipun tidak bersama kita majlis ini, wajib dihargai dalam memori kita semua. Semoga Allah Subhanahu Wata’ala menganugerahkan setiap seorang daripada mereka keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Kepada semua mereka, Beta dan Raja Permaisuri amat terhutang budi.

Beta sukcita disembah maklumkan bahawa titah nasihat Beta untuk meminimumkan perbelanjaan telah dipatuhi. Acara sambutan telah diaturkan bukan berbentuk pesta tetapi untuk mengisi makna dan pengertian akan relevansi institusi Raja dalam sistem bernegara dan berkerajaan. Budaya mengutamakan *outcome* hendaklah diutamakan daripada *output*, demi memastikan dalam acara-acara yang dianjurkan oleh negeri, hasil dapat dioptimumkan, sementara perbelanjaan dapat diminimumkan, sekali gus mengelakkan pembaziran.

Setelah tiga puluh tahun berlalu, Sungai Perak sekali lagi menjadi saksi kepada kenderaan air diraja yang menyurunya, dikenali sebagai Balai Gambang, yang dinamakan Cempaka Sari. Kenderaan air tersebut telah Beta gunakan ketika memenuhi perjalanan dari Pasir Salak ke Teluk Intan. Dalam semangat yang tidak mahu melihat berlakunya sebarang pembaziran kepada sumber, kenderaan air diraja ini, Balai Gambang yang dinamakan Cempaka Sari, akan Beta serahkan kepada Kerajaan Negeri untuk digunakan kepada maksud dan tujuan yang sesuai lagi produktif dalam industri pelancongan di negeri Perak.

Beta mengucapkan selamat menyambut kedatangan Ramadan.

Wabillahi taufik, walhidayah,  
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



*Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.*



## SEKALUNG BUDI

Ucapan terima kasih kepada semua yang telah membantu  
dalam menyediakan buku

PERTABALAN

DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH  
IBNI

ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH  
SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
DAN JAJAHAN TAKLUKNYA

Pejabat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak  
Kuala Kangsar, Perak.


Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Ekono, Digital Lab, Kuala Kangsar, Perak.

Orang Perseorangan.



## PERTABALAN

DULI YANG MASA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK XXXV

SULTAN NAZRIN MUZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH

SULTAN YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN DAN JAJAHAN TAKUCHNYA

Penerbitan buku ini merakamkan peristiwa bersejarah Kesultanan Melayu Perak sempena pemasyturan dan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak XXXV Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Baginda merupakan Sultan Perak yang tersohor bijak di bidang akademik serta cendekia dalam mengemukakan falsafah pemikiran dan kepimpinan negara bangsa.

Baginda menjadi tonggak kepada kesejahteraan kehidupan rakyat berbilang agama dan kaum di Negeri Perak Darul Ridzuan. Sultan adalah institusi tertinggi dalam negeri dan mempunyai kedudukan yang perlu disanjung dan dihormati oleh segenap lapisan rakyat. Sebagai payung kehidupan rakyat, institusi kesultanan telah diletakkan di persada kemuliaan dengan kedaulatan baginda menjadi tempat bernaung rakyat jelata.

Juru Kesultanan Melayu Perak bermula pada tahun 1528 Masihi sehingga sekarang berusia hampir lima abad yang terbukti ampuh, kukuh serta berwibawa dalam menaungi pemerintahan beraja berteraskan raja berperlembagaan dan amalon sistem demokrasi berparlimen.

Penerbitan buku ini juga adalah sebagai khazanah negeri dalam genre biografi berkoncepcian karya ilmiah yang boleh dipertanggungjawabkan faktanya. Penghasilan karya ini juga memperlihatkan kelangsungan usaha Jabatan Penerangan Malaysia dalam memperkayakan korpus maklumat dan pengetahuan untuk rujukan generasi masa kini dan akan datang.



JABATAN  
PENERANGAN  
NEGARA



ISBN 978-963-54-0588-4